

1

PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

DAN SESI LIBAT URUS

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2017

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

18.7.2017

1

**PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
DAN SESI LIBAT URUS
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2017**

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

18.7.2017

Alhamdulillah hirabbilalamin wabihii nasta'in. Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke **Majlis Perhimpunan Bulanan dan Sesi Libat Urus JKM 2017**. Selawat dan Salam buat Rasulullah SAW junjungan tercinta serta para sahabat dan keluarga baginda.

Di kesempatan ini saya mengucapkan **syabas dan tahniah kepada Jabatan Pembangunan OKU, Bahagian Kebajikan Produktif, Bahagian Komuniti serta Bahagian Kaunseling** yang menjadi tuan rumah kepada penganjuran Majlis pada pagi ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-Ketua Institusi serta Pegawai Kader yang dapat hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan dan Libat Urus JKM 2017 pada pagi ini.

Memandangkan kita masih dalam bulan Syawal, masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada semua warga JKM.

Penghargaan Kepada Warga JKM Yang Terlibat Dalam KPI 2017

Diam tak diam, telah 6 bulan berlalu sejak saya menyampaikan amanat Tahun Baharu 2017 pada **23 Januari 2017**. Di pentas ini saya telah menyampaikan amanat Tahun Baharu dan juga telah menetapkan sebanyak 16 Petunjuk Prestasi atau KPI yang perlu dicapai oleh Jabatan. Justeru, pada pertemuan kali ini dan di pentas yang sama saya akan memaklumkan kepada tuan/puan pencapaian KPI tersebut bagi separuh tahun pertama.

Sebelum itu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-ketua Institusi dan seluruh warga JKM yang telah memberikan komitmen yang jitu dan padu dalam membantu menjayakan KPI yang ditetapkan sepanjang setengah tahun pertama ini. Sesungguhnya komitmen dan budi baik tuan/puan hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Maklumat Pertukaran Pengarah

Sebelum saya berbicara lebih jauh, suka saya mengumumkan di sini beberapa perubahan melibatkan kepimpinan di peringkat Bahagian dan Negeri. Berdasarkan keperluan semasa dan kepentingan perkhidmatan, Pengurusan Tertinggi Jabatan telah memutuskan membuat pertukaran pengarah-pengarah Bahagian dan juga Pengarah Negeri.

Untuk makluman, **Dr. Hajah Zaitol binti Salleh, Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) telah bertukar sebagai Pengarah Bahagian Kawalan Standard.** Manakala **Cik Hajah Nor Tipah binti Majin, Pengarah Bahagian Kawalan Standard telah bertukar sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya** berkuat kuasa **3 Julai 2017**. Dr. Hajah Zaitol buat masa ini sedang bercuti separuh gaji selama tiga bulan untuk menjaga ibunya yang kurang sihat.

Bagi meneruskan kesinambungan tugas di Bahagian Kawalan Standard, **Dr. Sopian bin Brahim** telah ditempatkan di Bahagian Kawalan Standard. Beliau akan menanggung tugas sebagai Pengarah Bahagian Kawalan Standard berkuat kuasa **3 Julai 2017**. Diharapkan dengan pertukaran ini, akan dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada kumpulan sasaran yang berkenaan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor turut menyaksikan perubahan kepimpinan. Tuan Haji Mohammad Hanafi bin Maulud, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan telah bertukar sebagai Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor berkuat kuasa 17 Julai 2017. Dengan pertukaran Tuan Haji Hanafi ke JKMN Selangor menyaksikan satu kekosongan Pengarah Negeri iaitu Pengarah JKM Negeri Kelantan. Bersama-samalah kita berdoa agar kekosongan di JKMN Kelantan dapat diisi dengan secepat mungkin.

Program Libat Urus

Bagi memastikan perancangan strategik JKM yang terkandung dalam Pelan Strategik JKM 2016-2020 dan semua KPI bagi tahun 2017 yang telah ditetapkan berjalan dengan baik, Jabatan melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Kawalan Standard dan Bahagian Pengurusan telah mengadakan libat urus bersama-sama dengan JKM Negeri.

Sebanyak 5 negeri telah saya lawati bermula dengan JKM Negeri Kedah pada bulan Februari diikuti oleh JKM Negeri Kelantan, JKM Negeri Sembilan, JKM Negeri Pulau Pinang dan yang terakhir JKM Negeri Melaka. Insha Allah negeri-negeri lain akan saya susuli selepas ini.

Sepanjang program libat urus tersebut, saya mendapati bahawa terdapat maklumat yang terkandung di dalam Pelan Strategik JKM 2016-2020 tidak disampaikan kepada pegawai dan kakitangan di peringkat negeri, daerah, dan intitusi. Contoh yang mudah, sebahagian besar dalam sesi libat urus tersebut tidak mengetahui perubahan Visi, Misi dan Kumpulan Sasar Jabatan, apatah lagi inisiatif baharu yang sedang diusahakan oleh Jabatan. Sehubungan dengan itu, saya meminta kerjasama Pengarah Negeri agar dapat mempertingkatkan usaha penyebaran maklumat berkaitan perancangan program yang terkandung di dalam Pelan Strategik JKM 2016-2020.

Integriti

Dalam tempoh 6 bulan ini, Jabatan telah menerima banyak teguran audit berkaitan dengan ketidakakuran pematuhan kepada pengurusan kewangan. Beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat kementerian bagi membuat auditan dan siasatan terhadap pengurusan kewangan seperti di PKMD dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Untuk makluman, satu jawatankuasa siasatan dalaman yang dianggotai oleh pegawai KPWKM, Pegawai Audit Dalam, Pegawai Unit Integriti dan wakil Jabatan sedang menjalankan siasatan ke atas Program Bantuan Dan Perkhidmatan

kepada Warga Emas di JKM. Tindakan ini menunjukkan bahawa kementerian sangat serius berhubung isu kepatuhan terhadap kewangan.

Saya ingin mengingatkan kepada tuan/puan agar berhati-hati dalam melaksanakan tugas dan sentiasa mematuhi prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa dan juga memantau pengurusan kewangan yang berlaku di Pusat Aktiviti Kanak-kanak, PAWE dan PDK di bawah tadbir urus tuan/puan. Hal ini kerana implikasi yang bakal tuan/puan hadapi sangatlah besar termasuklah tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya tuan/puan didapati tidak mematuhi prosedur-prosedur tersebut.

Penyampaian Perkhidmatan Alternatif

Dalam konteks memperkasa penyampaian perkhidmatan, saya bersama-sama dengan pasukan KPWKM yang diketuai oleh YBhg. Dato' Ketua Setiausaha pada 10 Julai 2017 yang lalu telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Tujuan kunjungan hormat tersebut adalah untuk memohon agar perjawatan sebanyak 1,884 yang pernah dibekukan oleh JPA dapat dicairkan semula.

Namun begitu, dukacita dimaklumkan bahawa permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan atas alasan tertentu. Dalam perbincangan tersebut, KPPA telah meminta agar Jabatan melihat dan menilai semula program Jabatan dengan mengoptimumkan sumber manusia berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan. Ini kerana daripada kajian yang telah dijalankan, menunjukkan bahawa nisbah penjawat awam di Malaysia adalah 1:19 orang berbanding di Singapura 1:71.4 orang.

Sehubungan dengan itu, KPPA menyarankan agar JKM mengenal pasti perkhidmatan yang boleh dilaksanakan melalui kaedah penyampaian perkhidmatan alternatif atau *alternative service delivery* (ASD). Pada masa ini, Jabatan sedang mengenal pasti dua (2) buah institusi yang boleh dijadikan sebagai projek ASD iaitu **di RSK Bedong, Kedah** dan **RSK Seri Iskandar, Perak**. Adalah diharapkan agar tuan/puan dapat memikirkan program atau alternatif dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada kumpulan sasar tanpa melibatkan pertambahan perjawatan.

Pencapaian Setengah Tahun Pertama 2017

Menyusuri pertengahan tahun ini, pelbagai program, aktiviti dan cabaran telah kita lalui bersama-sama dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar. Justeru, saya ingin mengupas pencapaian sebahagian program dan

aktiviti yang juga merupakan KPI bagi setengah tahun pertama 2017 yang telah ditetapkan.

Pertama : Pelaksanaan Pusat Transformasi Dan Informasi Kebajikan (Weltrain)

Berkat doa semua Insha Allah Pusat Transformasi dan Informasi JKM atau nama ringkasnya (WelTraIn) dijangka akan siap sepenuhnya pada **17 Ogos 2017**. WelTraIn akan berfungsi sebagai tempat **Pembangunan dan Penyelidikan (R&D), Peneraju Industri dalam Bidang Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti, Pusat Kompetensi Dan Transformasi Sosial, Pusat Pembangunan Kerja Sosial dan Repositori Perkhidmatan Jabatan.**

Kedua: Pembangunan Kapasiti Pegawai

Pada tahun ini juga seramai 1500 orang warga kerja Jabatan akan diberikan latihan secara komprehensif melalui kursus spesifik dan generik. Sehingga Jun 2017, seramai 520 orang pegawai dan kakitangan telah menghadiri kursus spesifik dan generik. Dalam tempoh ini juga seramai 70 telah dan sedang mengikuti Sijil Praktis Eksekutif Kerja Sosial dengan kerjasama UUM dan seramai 18 orang pegawai sedang mengikuti Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial dengan kerjasama ISM dan UKM.

Ketiga: Produk Prowell

Bahagian Kebajikan Produktif JKM bertanggungjawab untuk mengenal pasti 200 produk ProWell yang berpotensi untuk dibangun dan dibuat penilaian bagi tujuan pemasaran. Dan setakat ini sebanyak 130 produk telah pun berjaya dikenalpasti sebagai produk berprestasi tinggi untuk dikomersialkan.

Keempat: Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK)

Selaras dengan pelaksanaan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga, Bahagian Kanak-kanak JKM akan mengenal pasti seramai 450 orang kanak-kanak yang berada di institusi untuk menjalani program pemeliharaan berasaskan keluarga. Sehingga kini seramai 237 orang kanak-kanak telah pun ditempatkan bersama keluarga.

Kelima: Program Suai Kasih

Program ini telah mendapat pengiktirafan daripada JPA sebagai projek berimpak tinggi. Program ini merupakan pengintegrasian bekas penghuni ke dalam masyarakat

melalui pepadanan kerja dan sosialisasi. Seramai 112 kanak-kanak dari Institusi Kanak-kanak JKM telah diberi persediaan untuk memasuki pasaran pekerjaan sebaik tamat perintah di institusi.

Persediaan ini direalisasikan melalui dua sesi kolaborasi yang telah dilaksanakan bersama-sama syarikat korporat iaitu Malaysia Automotive Institute (MAI) dan McDonald's (M) Sdn. Bhd. Untuk makluman, daripada bilangan 112 orang kanak-kanak, seramai 70 orang kanak-kanak telah ditempatkan secara percubaan selama lima (5) bulan di 7 buah industri dan 9 orang kanak-kanak telah bekerja sebagai kru di 9 buah Restoran McDonald's.

Keenam: *Job Coach*

Jabatan sentiasa mendukung kesaksamaan hak dan peluang bagi OKU. Justeru, pada tahun ini Jabatan Pembangunan OKU perlu mengenal pasti seramai 200 OKU mendapat pekerjaan dan mengekalkan mereka dalam industri melalui program *Job Coach*. Pencapaian terkini adalah seramai 116 orang telah berjaya ditempatkan dalam pasaran pekerjaan menerusi program *Job Coach*.

Ketujuh: Latihan Kesihatan Dan Penjagaan Warga Emas

Bahagian Warga Emas JKM telah mengadakan kerjasama bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia dan NGO's bagi membentuk Kokurikulum dan Pelan Pengajaran Kejurulatihan Senaman Warga Emas. Bahagian Warga Emas telah mengenalpasti seramai 80 orang warga emas yang berminat untuk mengikuti Saringan Kelayakan Kecergasan (Siri 1) di Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor dan seterusnya Kursus Kejurulatihan Senaman Warga Emas pada **akhir Julai 2017**.

Kelapan: Program *Volunteer To Institution* (V2I)

Satu lagi projek yang berjaya mendapat pengiktirafan daripada JPA sebagai projek berimpak tinggi ialah **Program Volunteer To Institution atau V2I**. V2I merupakan program sukarelawan yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasar JKM di institusi melalui aktiviti kesukarelaan dan meningkatkan kerjasama pintar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Institut Sosial Malaysia (ISM).

Majlis Pelancaran Pelaksanaan Program V2I bersama UUM telah diadakan pada 26 April 2017 di Taman Sinar Harapan Jitra, Kedah. Seramai 500 pelajar UUM telah didaftarkan sebagai sukarelawan JKM. Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan dilaksanakan pada penghujung bulan Julai 2017 yang akan diselaraskan bersama-sama Kementerian Pengajian Tinggi.

Kesembilan: *Psychological Support Team (PST)*

Psychological Support Team (PST) merupakan pasukan sukarelawan dalam kalangan Kaunselor Berdaftar yang akan memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi khususnya, kepada mangsa bencana. Bahagian Kaunseling dan Psikologi JKM perlu memastikan penubuhan PST di semua negeri dan membangunkan Manual Prosedur pelaksanaan PST. Syabas dan tahniah kepada Bahagian Kaunseling dan Psikologi JKM kerana telah berjaya menubuhkan sebanyak 15 buah PST di seluruh negeri.

Kesepuluh: Pusat Kecemerlangan Latihan Dan Penyelidikan Untuk OKU

Jabatan akan meneruskan usaha Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP) Bangi sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan dan Penyelidikan untuk OKU. JPOKU dengan pengurusan PLPP perlu memberi fokus dalam menjayakan semua strategi dan inisiatif yang terkandung dalam Pelan Strategik Kecemerlangan PLPP 2016-2020.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada PLPP kerana sentiasa berusaha meningkatkan kecemerlangan program latihan kepada OKU. Pada malam ini pasukan inovasi dari PLPP akan menerima **Anugerah Harta Intelek Malaysia kategori Kerusi Roda** daripada Y.A.B Perdana Menteri menerusi projek kerusi roda *Formula One (F1)*. Saya mengharapkan tuan/puan seluruh warga kerja JKM memberikan sokongan padu kepada PLPP untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Dan Penyelidikan untuk OKU.

Kesebelas: Program 2 Years Exit Programme (2YEP)

Jabatan meneruskan pelaksanaan program *2 Years Exit Programme (2YEP)* dengan menasarkn seramai 1,500 orang klien yang berjaya mendapat latihan dan seterusnya dibimbing untuk keluar daripada kebergantungan kepada Kerajaan. Pencapaian pada setengah tahun pertama agak memberangsangkan. Daripada sasaran 1,500 orang klien yang ditetapkan, sehingga kini seramai 940 orang klien atau 63% telah mengikuti

program dan kursus yang ditetapkan. Saya mengharapkan kerjasama tuan/puan untuk terus berusaha menjayakan program ini.

Ke dua belas: NBOS – 1Malaysia *Family Care* (Program Khidmat Bantu Di Rumah atau '*Home Help Service*')

Program Khidmat Bantu di Rumah merupakan satu adaptasi inovasi sosial untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan warga emas dan OKU yang kurang bernasib baik dan terpinggir.

Untuk makluman, Jabatan telah mensasarkan sebanyak 640 kes baharu bagi tahun 2017 dan sehingga 30 Jun 2017 seramai 338 kes baharu telah disantuni oleh sukarelawan *Home Help*.

Ke tiga belas: Memperkasakan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Satu lagi KPI yang dipertanggungjawabkan kepada JPOKU adalah memperkasa lima (5) buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sebagai entiti pertubuhan bukan Kerajaan. Saya berharap JPOKU dengan kerjasama JKM Negeri terus gigih berusaha memainkan peranan untuk mengenal pasti PDK yang boleh berdikari dan dibantu secara minimum oleh Jabatan.

Perancangan Setengah Tahun Kedua 2017

Dalam meneruskan penyampaian perkhidmatan bagi setengah tahun kedua, Jabatan telah merancang pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada kumpulan sasar Jabatan seperti berikut:

Pembangunan Kerja Sosial

JKM dengan kerjasama Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (PPSM) dan ahli akademik kerja sosial telah memperkemaskan draf Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial Dan Peraturan-Peraturan melalui beberapa siri bengkel dan perbincangan. Draf RUU Profesion Kerja Sosial telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara pada bulan Mei 2017 yang lalu untuk semakan. Bersamalah kita doakan agar Akta Profesion Kerja Sosial akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Kita juga telah berjaya membangunkan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial. Manual Sistem Pengurusan Kes ini dibangunkan untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kes kerja sosial di JKM supaya kumpulan sasar mendapat perkhidmatan yang terancang, kompeten dan tercapai matlamatnya. Manual Sistem Pengurusan Kes ini akan dilancarkan sebentar lagi.

JKM juga melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan telah menyediakan **Draf Pelan Strategik Kerja Sosial 2017-2020**. Draf pelan ini sedang dimurnikan dan insya Allah akan disiapkan sepenuhnya pada pengujung tahun ini. Pelan ini sangat penting bagi Jabatan untuk menentukan arah tuju perkhidmatan kerja sosial di Malaysia.

Info JKM

JKM sering mendapat pertanyaan dari orang awam mengenai Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) yang menerima geran dan status Pusat Jagaan. Sehubungan dengan itu, aplikasi Info JKM telah dibangunkan secara *mobile* bagi memudahkan penyampaian dan semakan maklumat kepada orang awam.

Aplikasi ini dibangunkan secara berfasa. Fasa pertama adalah Pusat Jagaan dan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) manakala Fasa kedua adalah TASKA dan *Two Years Exit Programme (2YEP)*. Aplikasi ini dilengkapi dengan kemudahan carian, navigasi, perkongsian, paparan gambar dan *link* yang dihubungkan terus melalui panggilan dan emel. Aplikasi ini juga akan dilancarkan dalam perhimpunan bulanan ini sebentar lagi.

Program #NEGARAKU_KASIHKITA_KPWKM

Bagi menghargai kumpulan sasar, Jabatan akan mengadakan Hari Negaraku Kasih KITA. Pelancaran program dijangka diadakan pada 10 September 2017 di Bagan Datuk Perak yang akan disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Kemuncak acara akan diadakan pada 1 Oktober 2017 di PLPP Bangi yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.

Pembangunan Sumber Manusia

Bagi tempoh setengah tahun kedua, JKM telah membuat pengambilan seramai 32 orang bagi Gred S19 dan telah menerima watakah perlantikan pada 17 Julai 2017. Kini sedang berlangsung sesi temuduga pegawai Gred S29 dan setelah selesai sesi temuduga ini akan menyusul pula temuduga bagi Gred S41. Diharapkan pengambilan perjawatan ini mampu menyelesaikan isu kekosongan perjawatan di daerah dan institusi.

Masa Hadapan JKM

Tahun ini Jabatan kita telah melangkah ke usia 71 tahun dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Telah jauh kita berjalan, namun untuk seketika kita harus menoleh belakang. Adakah kita masih relevan di masa – masa mendatang. Banyak pihak yang sedang memandangi kita. Sebagai contoh, telah ada usaha untuk

menjadikan Bahagian Kanak-kanak sebagai sebuah Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak yang berdiri sendiri, dengan kata lain akan keluar dari Jabatan. Mungkin akan menyusul Jabatan Warga Emas dan sebagainya.

Sebagai pemimpin kepada Jabatan yang kita kasihi ini, suka saya mengingatkan tuan/puan bahawa nasib dan masa depan Jabatan kita terletak pada diri kita sendiri. Sikap positif akan membawa aura positif kepada Jabatan.

Dengan adanya Pusat Transformasi dan Informasi Kebajikan di Kuala Kubu Bahru, maka saya mengharapkan agar pusat tersebut boleh membawa JKM menempuh masa hadapan yang lebih baik. Hal ini kerana di situlah bermulanya latihan dan penerapan jati diri sebagai seorang warga JKM yang unggul.

Penutup

Doa dan harapan saya agar baki enam bulan di tahun 2017 ini, akan terus memberi rangsangan kepada kita untuk terus maju ke hadapan dan "*Fly High*" seiring dengan agenda transformasi Kerajaan. Diharapkan JKM akan lebih proaktif memperkasakan kumpulan sasaran biarpun dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu.

Semoga setiap perkara yang dilakukan akan sentiasa mendapat keberkatan oleh Allah Subhanahuwataala. Saya percaya JKM boleh terus relevan di dalam industri dengan syarat kita terus berusaha untuk seiring dengan perubahan semasa.

Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia dalam memastikan kelangsungan perhimpunan bulanan kali ini.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

2

PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2017:

MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

23.1.2017

2

PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2017:

MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

23.1.2017

Alhamdulillah hirabbilalamin wabihii nasta'in. Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita semua hadir ke **Majlis Amanat KPKM Sempena Tahun Baharu 2017 dan Pelancaran Pelan Strategik JKM 2016-2020** bagi tahun ini atau dalam kata lain sebagai perhimpunan pembuka tirai tahun 2017. Selawat dan Salam buat Rasulullah SAW Junjungan tercinta serta para Sahabat dan keluarga Baginda.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan, Bahagian Perancangan dan Pembangunan serta Bahagian Pengurusan Maklumat yang menjadi tuan rumah bersama dalam penganjuran majlis pada pagi ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-ketua Institusi serta Pegawai Kader yang dapat hadir ke majlis ini.

Pengurusan Banjir

Diam tak diam, kita telah meninggalkan tahun 2016 dan telah 23 hari memasuki tahun baharu Masehi 2017. Sebentar tadi kita baharu sahaja menyorot pencapaian gemilang JKM pada tahun 2016. Pada hemat saya, 2016 merupakan kemuncak dalam penyampaian perkhidmatan JKM sepanjang saya menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Onak, ranjau dan duri telah berjaya kita harungi bersama-sama dan saya mengharapkan pada tahun ini,

Jabatan akan terus cemerlang dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasaran Jabatan.

Awal tahun baharu 2017, kita diuji dengan banjir yang berlaku di dua buah negeri iaitu **Kelantan** dan **Terengganu**. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada wira dan wirawati JKM yang telah bertungkus lumus menguruskan pusat pemindahan dan mangsa banjir dengan cemerlang. YBhg. Dr. Ketua Setiausaha KPWKM juga turut merasai perit jerih tugas yang dilaksanakan oleh warga kerja JKM dalam menguruskan isu kemanusiaan di pusat-pusat pemindahan banjir. Sesungguhnya pengorbanan tuan/puan hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Dalam hal pengurusan bencana ini, suka saya mengingatkan kepada Pengarah-pengarah negeri berhubung penubuhan *group whatsapp* bilik gerakan bencana. *Group whatsapp* ini melibatkan KSU dan ahli-ahli mesyuarat pengurusan tertinggi KPWKM. Justeru, saya mengharapkan agar tuan/puan sentiasa pro aktif dalam mengemukakan maklumat berkaitan pengurusan bencana di tempat tuan/puan dan sentiasa mengemaskini maklumat dalam *group whatsapp* tersebut.

2017 Tahun Penyampaian Perkhidmatan Kebajikan

Pada tahun ini, Jabatan akan memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan. Ini selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang memberi penekanan berkaitan penyampaian perkhidmatan, semasa menyampaikan ucapan dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri pada **9 Januari 2017**. YAB Perdana Menteri menekankan perkataan **Deliver! Deliver! Deliver!**

Aspek ini menunjukkan bahawa YAB Perdana Menteri memandang serius isu penyampaian perkhidmatan oleh penjawat awam dan mengumumkan tahun 2017 adalah tahun penyampaian perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan rakyat.

Bertepatan dengan itu juga, Alhamdulillah Jabatan telah berjaya menerbitkan **Buku Pelan Strategik JKM 2016-2020**. Pelan tersebut mengandungi perubahan visi, misi, objektif, teras strategik dan kumpulan sasaran Jabatan, serta memuatkan Pelan Tindakan bagi memandu perjalanan Jabatan dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran menjelang 2020. Inshaallah pencerahan berkaitan Pelan Strategik akan disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Strategik sebentar nanti.

Yang Amat Berbahagia Ketua Setiausaha Negara semasa menyampaikan amanat dalam majlis penyampaian watak kenaikan pangkat kepada penjawat awam pada **10 Januari 2017** yang lalu menggesa, JKM terus berusaha meningkatkan usaha dalam pelaksanaan program “**Cari dan Bantu atau Search and Serve**”. Sesungguhnya **Khulafa Arr Rasyidin Saidina Umar Alkhatib Radiallahuanhu** telah menunjukkan contoh teladan yang unggul kepada kita dalam melaksanakan cari dan bantu. Khalifah sanggup berjalan di tengah malam untuk mengesan rakyat yang memerlukan bantuan dan seterusnya sanggup memikul gandum dan menyerahkan kepada keluarga yang memerlukan. Itulah konsep dan pelaksanaan cari dan bantu yang telah pun dipelopori oleh Khulafa Arra Rasyidin sejak 1400 tahun yang lampau, yang seharusnya dipraktikkan oleh kita semua selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Keseimbangan Menzahirkan Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti

Dalam kehidupan ini, terdapat dua perkaitan konsep utama iaitu **hablumminnallah** dan **hablumminannas**. Konsep hablumminnallah mengutarakan hubungan manusia dengan pencipta. Justeru, sebagai manusia kita perlu mematuhi segala perintah untuk melaksanakan kebaikan di atas muka bumi ini dan menjauhi segala larangan-Nya yang akan memberikan kemudaran.

Manakala konsep hablumminannas pula merujuk kepada hubungan sesama manusia. Dalam hal ini kita perlu menjaga integriti, etika dan nilai yang ada pada manusia berpandukan kepada peraturan yang telah ditetapkan. Pertembungan antara dua unsur ini, akan melahirkan keseimbangan atau **Tawazzun**. Saya yakin keseimbangan kedua-dua konsep ini akan menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasar.

Dalam konteks *sense of urgency*, saya mengharapkan seluruh warga kerja JKM bersikap seperti **sang helang yang menyambar mangsanya dengan pantas, cekap dan tepat**. Dalam perkhidmatan kebajikan, klien sentiasa menjadi keutamaan dan memerlukan intervensi yang segera dan tepat. Kesilapan melaksanakan intervensi akan memberi implikasi negatif kepada klien, Jabatan dan komuniti.

Dalam memastikan kecemerlangan Jabatan, seluruh warga kerja JKM perlu mengetahui peranan, tugas dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan. Saya suka mengaitkan situasi ini dengan analogi zirafah dengan biri-biri. Sifat zirafah yang normal iaitu suka memakan pucuk yang tinggi dan seandainya zirafah memilih untuk memakan rumput, maka sifat itu boleh dikaitkan dengan

sifat yang bertentangan dengan fitrah seekor zirafah. Tingkah laku ini pastinya mendatangkan kemudharatan kepada zirafah berkenaan.

Justeru, tugas seorang Ketua Pengarah adalah melaksanakan tugas di peringkat atasan dan bersifat makro, manakala para pegawai dan kakitangan menjalankan tugas masing-masing di pelbagai peringkat dalam menyokong kepimpinan dan hala tuju Jabatan yang dipandu oleh Ketua Pengarah.

Media Sosial Dan Sukarelawan Sebagai Kuasa Baharu Dunia

(New World Order)

Pada detik ini, terdapat 3 billion pengguna internet seluruh dunia, 166 billion e-mel, 353 ribu blog post dan 1.7 billion carian google dihantar dan dibuat setiap hari. (<http://news.bbc.co.uk/2/hi/technology/8552415.stm>). Media sosial merupakan satu kuasa baru dunia yang juga **Kuasa Ketiga** (*Third Force*) dalam pergerakan massa masyarakat (*Mass Participation Movement*). Media sosial melalui platform *facebook, twitter, Instagram, whatsapp, telegram, wechat* telah menghubungkan masyarakat yang sebelumnya terpisah dan kini berhubung secara maya.

Suka juga saya mengaitkan di sini bahawa pemasaran program melalui media sosial memberikan impak positif dan kesan berganda kepada produk perkhidmatan dan imej Jabatan. Keberkesanan pemasaran produk melalui media sosial dan internet menghasilkan keuntungan berlipat ganda kepada syarikat seperti *google* (Larry Page 17.5 billion), *amazon.com* (Jeff Bezos 12.3 billion), *ebay* (Pierre Omidyar 5.3 billion) dan *Facebook* (Mark Zuckerberg 4.0 billion).

Selain itu, sukarelawan juga merupakan satu kuasa baharu iaitu, **Kuasa Ketiga** (*Third Force*) dalam menggerakkan program Jabatan dan masyarakat secara besar-besaran. Dengan hanya kekuatan seramai kira-kira 7000 kakitangan, sukar untuk kita mendekati semua 30 juta penduduk Malaysia. Justeru, pengurusan dan koordinasi sukarelawan merupakan tunjang kekuatan Jabatan dalam mendampingi masyarakat secara dekat. Program *home help* dan pengurusan bencana contohnya memerlukan penglibatan ramai sukarelawan. Tanpa sokongan daripada sukarelawan perkhidmatan ini tidak dapat dilaksanakan dengan lebih meluas.

Perancangan Tahun 2017

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, dan menjadikan Jabatan pada tahun 2017 ini sebagai sebuah Jabatan terus dekat di hati rakyat dan menunjangi inklusiviti, saya telah mensasarkan **16 petunjuk prestasi** yang perlu dicapai oleh Jabatan seperti berikut:

Pertama

Pada tahun ini, Jabatan akan menjadikan penubuhan **Pusat Transformasi dan Penyelidikan Perkhidmatan Kebajikan (PUTRA)** di Kuala Kubu Bahru sebagai satu kenyataan. Pusat ini akan menjadi pusat penyelidikan kerja kebajikan, pembangunan kapasiti warga Jabatan, medan bicara dan wacana sarjana dalam bidang kebajikan dan kerja sosial serta tempat menyimpan segala khazanah berkaitan transformasi perkhidmatan kebajikan. Kertas kerja penubuhan PUTRA akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi JKM dan KPWK. Hasrat murni ini telah dipersetujui secara lisan oleh Kementerian semasa saya menyampaikan ucapan di Hari Terbuka Kebajikan pada 20 November 2016 dan InshaAllah dijangka akan menjadi kenyataan pada Jun 2017.

Kedua

Dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasar Jabatan, kita perlu sentiasa kreatif, inovatif dan produktif. Sebagai menyahut cabaran ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan **Lembaga Pelawat Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar** yang telah mengemukakan idea yang sangat bernas dan di luar daripada kotak pemikiran biasa. Kuarters Pengetua di STB TAT akan dijadikan sebagai galeri kebajikan dan hub pemerkaasaan ekonomi kepada kanak-kanak di institusi kanak-kanak dan klien kebajikan produktif, melalui kerjasama syarikat korporat, NGOs dan pihak berkepentingan.

Ketiga

Pada tahun ini juga, saya akan memberikan fokus kepada pembangunan kapasiti warga JKM. Seramai 1500 orang warga kerja Jabatan akan diberikan latihan secara komprehensif melalui kursus spesifik dan generik. Ini selaras dengan hala tuju Jabatan dalam tempoh 5 tahun yang ingin melahirkan warga kerja JKM yang berkemahiran tinggi, cekap dan bijaksana melalui program pembangunan kapasiti yang terarah dan berstruktur. Melalui pendekatan ini saya yakin Jabatan akan menghasilkan para pekerja JKM yang mempunyai daya kritis, analitis dan mentaliti kelas pertama.

Keempat

Bahagian Kebajikan Produktif JKM bertanggungjawab mengenal pasti 200 produk ProWell yang berpotensi untuk dibangun dan dibuat penilaian bagi tujuan pemasaran. Dua ratus produk ini akan dinilai melalui mekanisme kerjasama strategik **Majlis Pemasaran Malaysia**. Justeru, saya meminta kerjasama Pengarah JKM Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) agar dapat mengenal pasti produk-produk klien yang berkualiti bagi tujuan penilaian dan seterusnya berpotensi untuk dipasarkan di dalam dan luar negara. Mekanisme ini akan menjana pendapatan klien dan membawa klien keluar daripada kebergantungan kepada Kerajaan.

Kelima

Selaras dengan pelaksanaan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga, Bahagian Kanak-kanak JKM akan mengenal pasti **450 orang** kanak-kanak yang berada di institusi untuk menjalani program pemeliharaan berasaskan keluarga. Ini membolehkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, membesar dalam suasana kekeluargaan seperti kanak-kanak yang lain.

Keenam

Seterusnya saya meminta Bahagian Kanak-kanak agar dapat meneruskan program yang telah sedia dilaksanakan iaitu memberi kemahiran teknikal kepada seramai **250 orang** kanak-kanak di institusi untuk memperolehi sijil kemahiran yang diiktiraf dalam industri. Program ini dilihat sangat berkesan dan memberi impak berganda kepada kanak-kanak apabila mereka keluar daripada institusi kebajikan.

Ketujuh

Jabatan sentiasa mendukung kesaksamaan hak dan peluang bagi OKU. Justeru, pada tahun ini **Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya** perlu mengenal pasti seramai **200 OKU** mendapat dan mengekalkan pekerjaan mereka dalam industri melalui program *Job Coach*. Pekerja OKU akan dibantu oleh pemudah cara kerja di syarikat-syarikat yang terpilih dan juga pakar *Job Coach* daripada Jabatan.

Kelapan

Bahagian Warga Emas JKM perlu mengenal pasti seramai **30 orang** warga emas yang aktif, sihat dan produktif untuk dijadikan sebagai jurulatih kesihatan dan penjagaan warga emas. Dijangkakan melalui program ini seramai **30,000 orang** warga emas yang mengikuti program di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) akan mendapat manfaat. Bahagian Warga Emas

perluah menjalankan perbincangan lanjut dengan Kementerian Kesihatan dan JICA dalam konteks memberikan latihan kepada warga emas yang terpilih dan peluasan program ini pada masa akan datang.

Kesembilan

Pelaksanaan *Volunteer to Institution (V2I)*. Program sukarelawan yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasar JKM di institusi melalui aktiviti kesukarelaan dan meningkatkan kerjasama pintar dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan dan ISM. Bahagian Komuniti perlu merancang gerak kerja yang tersusun dan melibatkan semua Pengarah JKM Negeri dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program ini.

Kesepuluh

Pelaksanaan Program **Suai Kasih**. Program ini merupakan pengintegrasian bekas penghuni ke dalam masyarakat melalui pepadanan kerja dan sosialisasi. Disasarkan seramai **200 orang penghuni** lepasan institusi berjaya mendapat peluang pekerjaan dan dapat diintegrasikan dalam masyarakat. Bahagian Komuniti akan mengetuai projek ini dengan kerjasama Bahagian kanak-kanak, Bahagian Warga Emas dan Jabatan Pembangunan OKU. Bagi kejayaan projek ini saya ingin menekankan aspek kolaborasi strategik bersama-sama agensi kerajaan, syarikat korporat dan NGOs .

Kesebelas

Bagi tujuan pemulihan kepada pesalah muda, saya meminta Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat untuk memberikan latihan kemahiran kepada sekurang-kurangnya **80% pesalah muda** yang sedang menjalani perintah khidmat masyarakat. Ini membolehkan pesalah muda menjadi warga Malaysia yang berdaya saing dan mempunyai pekerjaan serta berjaya diintegrasikan dalam masyarakat.

Ke dua belas

Psychological Support Team (PST) merupakan pasukan sukarelawan dalam kalangan kaunselor berdaftar yang akan memberikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi khususnya, kepada mangsa bencana. **Bahagian Kaunseling dan Psikologi perlu memastikan penubuhan PST** di semua negeri dan membangunkan **Manual Prosedur pelaksanaan PST**.

Ke tiga belas

Jabatan akan meneruskan usaha Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP) Bangi sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan dan penyelidikan untuk OKU. **JPOKU dengan**

pengurusan PLPP perlu memberi fokus dalam menjayakan semua strategi dan inisiatif yang telah terkandung dalam Pelan Strategik Kecemerlangan PLPP 2016-2020.

Ke empat belas

Meneruskan pelaksanaan program *2 Years Exit Programme* (2YEP) dengan mensasarkan seramai **1500 orang klien** berjaya mendapat latihan dan seterusnya dibimbing untuk keluar daripada kebergantungan kepada Kerajaan.

Ke lima belas

Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help*) akan diteruskan seperti sedia ada. Program ini akan diteruskan bagi mencapai sasaran seramai **4787 kes baharu** dibantu menjelang berakhirnya Pelan Transformasi KPWK 2014-2018.

Ke enam belas

Pada tahun ini juga saya mensasarkan sebanyak **5 buah** Pusat Pemulihan Dalam Komuniti berjaya diperkasakan sebagai entiti pertubuhan bukan Kerajaan. JPOKU dengan kerjasama JKM Negeri perlu mengenal pasti PDK yang boleh berdikari dan dibantu secara minimum oleh Jabatan.

Penutup

Doa dan harapan saya agar tahun 2017 dapat memberi rangsangan kepada kita untuk terus maju ke hadapan. Suka saya ingatkan sekali lagi kita harus **Standing Together, "Fly High" dan Deliver! Deliver! Deliver!** seiring dengan agenda transformasi Kerajaan. Marilah tuan/puan bersama-sama saya melaungkan kalimat **Deliver! Deliver! Deliver!** bersama-sama saya sebagai menyatakan komitmen padu kita semua, dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada kumpulan sasaran demi kesejahteraan masyarakat Malaysia yang kita kasihi ini.

Adalah diharapkan JKM akan lebih proaktif memperkasakan kumpulan sasaran biarpun dalam persekitaran ekonomi dan senario semasa yang tidak menentu. Semua warga JKM diharap dapat terus meningkatkan profesionalisme dan iltizam dengan pemikiran lebih kreatif dan berinovatif. Saya percaya JKM akan terus relevan dalam perkhidmatan awam dan industri Negara dengan syarat kita terus berusaha untuk seiring dengan perubahan semasa. Semoga setiap perkara yang dilakukan akan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah subhanahuwataala.

Saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia dalam memastikan kelangsungan majlis pada kali ini.

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2017 Kepada Semua dan tidak dilupakan juga ucapan Selamat Tahun Baru Cina kepada warga kerja JKM yang berketurunan tionghua.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum
wabarokatuh

warahmatullahi

3

PERUTUSAN HARI TERBUKA JABATAN KEBAJIKAN KEBAJIKAN 2016

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

17 - 20.11.2016

3

PERUTUSAN HARI TERBUKA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2016

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

17 - 20.11.2016

Alhamdulillah hirabbilalamin wabihii nasta'in. Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke majlis yang sangat bermakna pada pagi ini. Selawat dan Salam buat Rasul Junjungan tercinta Nabi Muhammad SAW serta para sahabat dan keluarga baginda.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang kita kasihi ke majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Sri di atas kesudian menerima undangan kami bagi menyempurnakan majlis sambutan **Hari Terbuka Kebajikan Sempena 70 Tahun Jabatan Kebajikan Masyarakat** memberi khidmat bakti kepada rakyat yang memerlukan di bumi tercinta ini.

Sesungguhnya kehadiran Yang terhormat Dato' Sri merupakan sesuatu yang sangat bermakna dan amat ditunggu-tunggu oleh seluruh khalayak yang datang pada Hari Terbuka Kebajikan ini.

*" Burung Kenyalang terbang tinggi
Hinggap mari di Batang Lupar
Kasih Yang Berhormat tidak terperi
Hanya tuhan memberi ganjar "*

Terima kasih juga saya panjangkan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan majlis sambutan ini terutamanya kepada rakan strategik JKM iaitu **KFC Holdings** yang bersama-sama dengan JKM selaku penaja utama dalam menjayakan program pada hari ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, izinkan saya untuk menceritakan serba sedikit latar belakang sambutan Hari Terbuka Kebajikan ini

Latar Belakang Hari Terbuka JKM

Seperti mana YB Dato' Sri dan sidang hadirin sedia maklum, JKM merupakan penganjur kepada sambutan Hari Warga Emas yang disambut pada 1 Oktober setiap tahun, Hari Kanak-kanak Sedunia disambut pada mana-mana hari Sabtu dalam bulan Oktober, Hari OKU disambut pada 3 Disember dan Hari Sukarelawan diraikan pada 5 Disember setiap tahun.

Justeru, bersempena dengan Hari Terbuka Kebajikan dan meraikan ulang tahun yang ke-70 Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun ini, Jabatan dengan persetujuan pengurusan tertinggi KPWKM telah mengatur satu majlis meraikan kumpulan sasaran yang berbeza dari kelazimannya. Semua hari yang dirayakan secara berasingan sebelum ini, digabungkan di dalam satu majlis dan dirayakan secara serentak bermula pada 17 hingga 20 November.

Untuk julung-julung kalinya Jabatan menganjurkan program berskala besar selama 4 hari 3 malam bagi meraikan kumpulan sasaran dan pada masa yang sama memberikan perkhidmatan secara terus kepada orang ramai di luar sana yang ingin mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan. Jabatan menjangkakan Hari Terbuka Kebajikan ini akan dihadiri seramai **10,000 orang pengunjung** dari seluruh pelusuk di negara ini.

Objektif

Bersesuaian dengan sambutan ulang tahun ke-70 JKM, Hari Terbuka Kebajikan yang diadakan pada hari ini mempunyai 5 objektif seperti berikut:

- meraikan dan mengeratkan hubungan antara kanak-kanak, warga emas, OKU dan sukarelawan;
- menggalakkan hubungan Inter-Generasi dalam melahirkan masyarakat yang penyayang;
- mewujudkan interaksi di antara sukarelawan (pemberi khidmat) dengan kumpulan sasaran (penerima khidmat);
- mengintegrasikan peranan pelbagai sektor dalam mempromosikan kesejahteraan kanak-kanak, warga emas, OKU dan sukarelawan; dan
- mengiktiraf sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh kumpulan sasaran, sukarelawan dan organisasi dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Tema Sambutan

Kesinambungan daripada 5 objektif yang dinyatakan tersebut, tema sambutan pada kali ini iaitu **“Kesepaduan Antara Generasi, Memperkukuh Inklusiviti”**. Tema ini merujuk kepada penyatuan di kalangan masyarakat yang merentasi sempadan usia secara saling berpegang kepada satu ikatan perpaduan untuk menjadikan kehidupan lebih harmoni dan sejahtera. Ini juga adalah selari dengan Teras Strategik Satu, Rancangan Malaysia ke-11 yang memberi penekanan terhadap memperkukuh Inklusiviti kearah masyarakat yang saksama. Dalam kata lain, tiada yang ketinggalan dalam menikmati semua perkhidmatan yang diberikan.

Acara Hari Terbuka Kebajikan

Hari Terbuka Kebajikan selama 4 hari 3 malam ini diisi dengan pelbagai aktiviti yang dibahagikan kepada tiga segmen seperti berikut :

- **Segmen yang dimaksudkan ialah segmen pendidikan** yang mengetengahkan program Forum Perdana, Seminar K 4 K, *kids zone* dan pameran interaktif 70 tahun JKM;
- **Segmen kedua ialah segmen komuniti** yang memaparkan simulasi *home help*, pendaftaran sukarelawan, Jom Daftar TASKA dan pusat Jagaan, aktiviti kaunseling serta jualan produk Prowell ; dan
- **Segmen ketiga ialah segmen gaya hidup sihat-aktif** yang mencungkil bakat-bakat di kalangan kumpulan sasaran seperti sukan kanak-kanak dan sukan OKU. Penggalakan gaya hidup sihat dan penuaan aktif warga emas melalui acara sukan dan rekreasi.

Sebagai menghargai jasa dan bakti kumpulan sasaran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang yang diceburi, agensi yang sentiasa bekerjasama dengan Jabatan serta para sukarelawan yang sentiasa mendahulukan kerja-kerja sukarela demi kepentingan kumpulan sasaran Jabatan, terdapat anugerah yang akan disampaikan oleh YB Dato' Sri kepada mereka.

Penyampaian anugerah kepada yang saya sebutkan sebentar tadi merupakan kemuncak kepada Hari Terbuka Kebajikan. Sebanyak 7 anugerah diberikan kepada kategori OKU, 2 anugerah kategori warga emas, 7 anugerah kategori kanak-kanak dan 2 anugerah bagi kategori sukarelawan.

JKM Dan Transformasi Perkhidmatan Awam

Sebagai mana yang saya nyatakan sebelum ini bahawa JKM telah memberikan sumbangan bakti selama 70 tahun kepada rakyat yang memerlukan di negara ini. Bermula dengan sebuah Jabatan kecil yang dibangunkan pada tahun 1946 atas dasar menjaga kebajikan mangsa – mangsa perang dunia kedua dan buruh paksa keretapi Thailand-Burma, Jabatan ini semakin berkembang mengikut peredaran masa dan keperluan golongan yang memerlukan.

Evolusi JKM berkembang secara dinamik selaras dengan keperluan semasa kumpulan sasar. **Dekad pertama 1946-1956** penubuhan JKM memfokuskan kepada isu-isu kesihatan, perusahaan dan perhubungan sosial. **Dekad kedua 1957-1967** menyaksikan tumpuan diberikan kepada aspek kebajikan am, kesihatan dan buruh.

Seterusnya, **dekad ketiga 1968-1978** memberikan perhatian kepada Kebajikan Am Dan Buruh. Dalam tempoh tersebut, peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku secara tidak langsung memberikan impak signifikan kepada perkhidmatan kebajikan disebabkan tumpuan kerajaan pada ketika itu kepada inisiatif pengagihan ekonomi secara saksama dan penyusunan semula masyarakat dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru.

Dekad keempat 1979-1989 menyaksikan evolusi perkhidmatan berasaskan komuniti dengan wujudnya Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Batu Rakit Terengganu pada tahun 1983. Untuk tempoh tersebut, perkhidmatan kebajikan diletakkan sebagai sebuah kementerian. Seterusnya, pada **dekad kelima, JKM 1990-2000** menjadi sebuah jabatan yang diletakkan dibawah payung perpaduan negara dan pembangunan masyarakat. Pada dekad ini, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara diperkenalkan pada tahun 1990 dengan tumpuan kepada falsafah “**Kebajikan Tanggungjawab Bersama**”.

Dekad keenam 2001-2010, JKM diletakkan sebagai Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Namun, peranan JKM terus relevan dan mekar dengan pelbagai inisiatif baru perundangan dan polisi sosial diperkenalkan dan JKM adalah *focal point* kepada Dasar Sosial Negara (2003), Dasar Kanak-Kanak Negara (2008), Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara (2008), Dasar OKU (2008), Dasar Warga Emas Negara (2011), penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Anti Mangsa Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2008, penguatkuasaan Akta OKU 2008 dan penubuhan Jabatan Pembangunan OKU. Dalam dekad ini, Anugerah *Corporate Social Responsibility* (CSR) juga diperkenalkan pada tahun 2006 sebagai pengiktirafan kepada

sumbangan korporat terhadap sektor kebajikan. Seterusnya program Perintah Khidmat Masyarakat diwujudkan pada 2 Februari 2007. Di samping itu pada tahun 2010, kabinet juga telah meluluskan penggubalan dan pelaksanaan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial dan RUU Pekerja Sosial.

Dekad ketujuh 2011 – sekarang pula menyaksikan pelbagai inisiatif transformasi dan pencapaian bertaraf dunia perkhidmatan JKM dalam inovasi sosial. Pengiktirafan OKU dalam perlembagaan melalui pewujudan AOKU 2008 dengan pelbagai inisiatif menjadi 'turning point' kepada munculnya wira-wira luar biasa yang memenangi Pingat Emas Paralimpik Rio 2016. Usaha memartabatkan OKU dalam kerangka perundangan Negara ini merupakan kunci kejayaan JKM dan KPWKM terhadap pembangunan kumpulan sasaran di peringkat lokal dan global kerana sesebuah kejayaan yang dicapai itu bertitik tolak daripada langkah pertama usaha ke arah sebuah impian.

JKM terus relevan dengan mengorak langkah berperanan sebagai "*social safety net*". Ini terbukti dengan pengiktirafan JKM sebagai *Industry Lead Body (ILB)* untuk sektor penjagaan dan khidmat komuniti pada tahun 2011 yang juga merupakan satu lonjakan gemilang sepanjang tempoh 7 dekad penubuhannya. JKM adalah badan peneraju **Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)** bagi sub sektor pekerja domestik, perkhidmatan komuniti, penjaga/lepas sekolah dan penjagaan kanak-kanak, OKU serta warga emas. Pengiktirafan ini amat signifikan dan bertepatan dengan pengalaman 70 tahun khidmat bakti JKM dalam industri sosial kebajikan masyarakat.

Revolusi maklumat internet dan media sosial secara langsung mempengaruhi pengurusan masalah sosial dan cara kerja warga JKM membuat *engagement* dengan kumpulan sasaran. Pengurusan persepsi masyarakat terhadap sesuatu isu sosial yang diviralkan dalam media sosial menjadi satu cabaran baru kepada JKM untuk bertindak lebih proaktif dan responsif kepada isu-isu yang bergerak pantas masa (*time speed*) dalam media sosial.

Setelah 70 tahun berlalu, skop perkhidmatan Jabatan semakin meluas, kumpulan sasaran juga bertambah. Tuntutan golongan yang memerlukan juga semakin kompleks. Namun begitu, ini semua adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh Jabatan dengan penuh kekuatan dan semangat juang yang tinggi. Bagi memastikan cabaran ini mampu ditangani secara profesional, **Jabatan akan terus memberikan komitmen kepada misi-misi nasional yang telah ditetapkan oleh**

kerajaan terutamanya dokumen Rancangan Malaysia ke Sebelas yang dengan jelas memperjuangkan nasib kumpulan sasar jabatan.

Sepanjang 70 tahun ini satu perubahan yang ketara yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan ialah memperkenalkan konsep kebajikan produktif atau *Productive Welfare*. Melalui konsep ini klien-klien diberikan kemahiran dan latihan untuk mengusahakan sesuatu produk yang boleh menjana pendapatan dan seterusnya keluar dari garis kemiskinan dan kebergantungan kepada Kerajaan.

Satu anjakan besar yang akan dilaksanakan oleh Jabatan ialah mengarah penyampaian perkhidmatan kepada "Business not as usual". Ini bermaksud JKM bukan lagi sebagai pembekal perkhidmatan tetapi pemudah cara kepada pihak-pihak lain yang akan membekalkan perkhidmatan kepada klien.

Dalam kata lain, Jabatan akan memperkasa program berkaitan keusahawanan sosial, inovasi sosial, perkongsian strategik dengan syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan dan pemain-pemain industri, meningkatkan usaha penyumberan luar program dan mengenal pasti projek-projek yang boleh mendapat sumbangan sosial korporat. Ini bagi memastikan semua projek dan program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan dekat di hati rakyat dan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan.

Seperkara lagi, JKM akan menjadi penguatkuasa kepada semua pelaksanaan perkhidmatan yang berkaitan dengan kumpulan sasar. Ini akan dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang terutama berkaitan dengan Pusat jagaan dan Taman Asuha. Kanak-kanak.

Secanggih manapun teknologi, saya masih berpegang kepada falsafah kerja sosial yang mementingkan hubungan kita dengan pencipta *hablum minanallah* (hubungan dengan Allah) dan pendekatan hubungan terapeutik dengan klien atau *hablu minannas* (hubungan sesama manusia). Intervensi mengubah klien untuk berjaya memerlukan sentuhan melalui dua pendekatan yang saya sebutkan tadi yang juga selari dengan prinsip asas dalam kerja sosial. Jika kita terus istiqomah dalam menyampaikan perkhidmatan kebajikan ini nescaya JKM kekal relevan sampai bila-bila serta dilimpahi rahmat dan keberkatan-Nya, Insyaallah.

Penutup

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, ingin saya menyeru kepada semua pihak bahawa dalam konteks melaksanakan program-program bersifat kebajikan, JKM tidak mampu melaksanakannya secara bersendirian dan berharap kerjasama secara holistik daripada semua pihak. Ini kerana isu kebajikan adalah tanggungjawab bersama. Justeru, Jabatan sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada semua agensi Kerajaan, syarikat korporat dan pertubuhan bukan Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan keperluan kumpulan sasaran Jabatan.

Sebagai akhirnya, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam memastikan kelangsungan keperluan kumpulan sasaran Jabatan dan juga di atas kesudian beliau merasmikan majlis sambutan Hari Terbuka Kebajikan.

Terima kasih juga kepada **semua** penaja Hari terbuka ini, agensi kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan, media, pihak swasta di peringkat persekutuan dan negeri serta pelbagai pihak lain yang sama-sama menjayakan majlis pada hari ini. Doa dan harapan saya agar Hari Terbuka Kebajikan yang diadakan ini dapat memberi rangsangan kepada kumpulan sasaran untuk memperkasa jati diri kearah kesejahteraan yang holistik.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

4

**PERUTUSAN KPKM DALAM
BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2017**

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

26.10.2016

4

PERUTUSAN KPKM DALAM BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2017

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

26.10.2016

Alhamdulillah dipanjatkan berbanyak syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Bengkel Perancangan Strategik JKM 2017**. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan serta Pengurusan kerana telah mengambil inisiatif untuk menjadi urus setia dan mengendalikan bengkel tahunan ini.

Kita semakin hampir ke penghujung tahun 2016 dan ini memberi indikator kepada kita bahawa semua projek, aktiviti dan program yang telah dirancang pada awal tahun 2016 akan diteliti, diukur dan dinilai pencapaian dan keberkesanannya. Kita ingin pastikan semua yang dirancang adalah dilaksanakan mengikut jadual dan dinilai serta diukur mengikut KPI yang diharap akan melepasi sasaran ditetapkan.

Sebelum saya bergerak dengan lebih jauh lagi, izinkan saya untuk memberi sedikit fokus tentang maksud perancangan itu sendiri. Saya suka melihat perancangan dari perspektif tindakan-tindakan yang dijanjikan untuk dilaksanakan dan mencapai objektif yang disasarkan. Hal ini sejajar dengan pandangan dalam kamus *Merriam Webster* yang menerangkan perancangan sebagai:

'A set of actions that have been thought of as a way to do or achieve something'

- Kamus *Merriam Webster*

Sehubungan dengan itu, sebagai penjawat awam khususnya perancang, hendaklah mengetahui dan memahami proses perancangan yang boleh dilihat dalam 4 langkah utama iaitu:

- Menenalpasti objektif yang hendak dicapai
- Merencana strategi untuk pencapaiannya
- Mengatur dan membina perancangan
- Perlaksanaan dan pemantauan terhadap perancangan yang telah dibuat.

Untuk tahun 2015, JKM boleh berbangga dengan pencapaian anugerah di **43rd International Exhibition Of Inventions of Geneva**, Anugerah OpenGov anjuran MAMPU dalam kategori **Excellence in Analytics Employee Innovation** dan **Excellence in Analytics open Source Tools**. Kejayaan yang seperti ini seharusnya diteruskan dan ditingkatkan ke tahun berikutnya. Hasrat kita untuk terbang tinggi mudah mudahan akan tercapai.

Perancangan strategik JKM tahun 2016 adalah selari dengan perancangan strategik KPWKM yang telah dibentang dan dipersetujui pada Bengkel Pembangunan Pelan Strategik yang diadakan di Hotel Pullman Putrajaya pada akhir tahun 2015 yang lalu.

Semua pengarah bahagian dan negeri telah menetapkan sasaran tahunan masing-masing. Pemantauan oleh ibu pejabat JKM telah dilaksanakan secara berkala bagi memastikan sasaran kerja tahunan dilaksanakan bertepatan dengan objektif yang ditetapkan.

Cabaran yang paling besar pada tahun 2016, adalah pelaksanaan mekanisme yang dirancang selaras dengan RMK 11 terutama dalam Teras 1 stategii B4, B5 dan B6 serta dalam Bab 9.

Saya mengharapkan perancangan sasaran kerja tahunan adalah kesimbangan daripada perancangan dan pencapaian tahun 2016. Beberapa elemen seperti aktiviti dan program kearah kesejahteraan kumpulan sasar hendaklah diperhebatkan bagi memastikan kepentingan klien JKM sentiasa diberi perhatian utama.

Pada pandangan saya, perancangan sasaran kerja tahunan hendaklah berasaskan kepada teori sistem sosial yang melihat kepada peranan dan pencapaian yang dimainkan oleh setiap bahagian dan negeri dalam pelbagai peringkat demi memastikan setiap bahagian saling bergantung kepada bahagian lain untuk mencapai matlamat organisasi. Jika terdapat mana-mana bahagian yang kurang berperanan, maka ia akan memberi kesan negatif kepada organisasi keseluruhannya. Fungsi setiap bahagian dan negeri adalah sangat penting dalam organisasi bagi memastikan misi dan visi JKM terlaksana.

Seperti yang dipraktikkan di England, bahawa model perancangan strategik tahun 2016 adalah berasaskan kepada **Model Kesihatan Awam England 2017-2020** yang telah meletak kepentingan awam mengatasi kepentingan lainnya. Penanda arasan ini perlu bagi memastikan Malaysia

adalah berada di landasan yang betul serta contoh kepada negara asean lain. Justeru untuk mencapai matlamat dan sasaran tahun 2016 ini, marilah kita terus mendokong dan mempertingkatkan tekad serta azam untuk berusaha dengan lebih gigih, disiplin yang tinggi, berintegriti dan amanah dalam satu pasukan yang kuat sepertimana yang telah diassimilasikan (digarap) dan dibudayakan oleh kita di JKM iaitu # **Standing Together**.

Penutup

Adalah diharapkan sesi mesyuarat dan lawatan pada hari ini akan dapat memberikan gambaran lebih jelas berhubung usaha-usaha yang sedang giat dilaksanakan oleh JKM dalam memenuhi aspirasi Kerajaan .

Saya sudahi dengan ucapan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dan saya dengan hormatnya menjemput YBhg. Dato' Raihan untuk menyampaikan amanat dan hasrat transformasi dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

Besarliah harapan saya agar majlis hari ini secara tidak langsung terus memekarkan semangat kerja berpasukan di organisasi kita ini. Kerja berpasukan mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan serta komitmen terhadap prestasi pasukan dan bersedia melaksanakan tugas secara bersama.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan, Bahagian DSA, Bahagian Kanak-kanak dan CSO yang menjadi urus setia perhimpunan pada kali ini.

Sekian.

Wabilahi-taufik-wahidayah,wasalamualaikum-warahmatulahiwabarakatuh

5

PERUTUSAN KPKM DALAM PERHIMPUNAN BULANAN DAN APRESIASI JKM 2016

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

26.7.2016

5

PERUTUSAN KPKM DALAM PERHIMPUNAN BULANAN DAN APRESIASI JKM 2016

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

26.7.2016

Alhamdulillah dipanjatkan berbanyak syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Dan Apresiasi JKM 2016 (kali yang ke 2). Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang hadir terutamanya warga kerja JKM. Saya amat gembira melihat saudara saudari semua di sini dalam keadaan sihat dan ceria.

Terima kasih kepada Bahagian Pengurusan, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Kanak-kanak dan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat yang menjadi urus setia perhimpunan pada kali ini.

Masa berlalu begitu pantas sekali kerana tanpa kita sedari, kita kini telah berada di pertengahan tahun 2016. Banyak yang telah kita laksanakan dan banyak juga lagi usaha-usaha yang perlu dilaksanakan untuk memenuhi keperluan/sasaran tugas KPI (penanda aras) yang ditetapkan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada perkhidmatan JKM.

Tahun 2015 telah meletakkan penanda aras yang baik bagi kecemerlangan JKM baik di peringkat kebangsaan, antarabangsa mahu pun di peringkat Jabatan, justeru untuk mencapai matlamat dan sasaran tahun 2016 ini, marilah kita terus mendokong dan mempertingkatkan tekad serta azam untuk berusaha dengan lebih gigih, disiplin yang tinggi, berintegriti dan amanah dalam satu pasukan yang kuat sepertimana yang telah diassimilasikan (digarap) dan dibudayakan oleh kita di JKM iaitu # **Standing Together**.

Saya ingin berkongsi beberapa program dan inisiatif baharu yang telah kita laksanakan di JKM dengan tuan-tuan dan puan-puan semua iaitu seperti berikut:

Sambutan Hari Pekerja 2016

Setiap tahun negara meraikan **Hari Pekerja** sebagai satu manifestasi penghargaan kerajaan terhadap sumbangan warga pekerja dalam menjayakan agenda pembangunan negara. Tema Sambutan Hari Pekerja bagi tahun 2016 adalah **“PEKERJA BERKEMAHIRAN PENGGERAK EKONOMI”**. Selaras dengan tema tersebut, JKM telah melaksanakan inisiatif membangunkan kemahiran warga kerja JKM serta mereka yang terlibat dalam perkhidmatan berkaitan menerusi NOSS atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard*). Di bawah sektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti telah melibatkan sebanyak 7 subsektor iaitu:

- Penjagaan Kanak-kanak
- Penjagaan Orang Kurang Upaya
- Pemulihan Dalam Komuniti
- Penjagaan Warga Emas
- Kebajikan Sosial
- Perkhidmatan Komuniti
- Pekerja Domestik.

NOSS ini telah dibangunkan bagi mempertingkatkan mutu dan kemahiran pegawai serta mereka yang terlibat dalam industri dalam melaksanakan tugas sertaperkhidmatan yang berkualiti menerusi perancangan strategik yang jitu. Justeru saya mengharapkan warga JKM terus meningkatkan profesionalisme dan iltizam dengan pemikiran dinamik dan berinovatif selaras dengan transformasi penyampaian perkhidmatan kebajikan yang telah dirancang.

Saya juga ingin berkongsi dengan inisiatif baharu yang dapat mengubah landskap budaya kerja warga JKM yang lebih berdaya saing dan dinamik.

Inisiatif “MIRACLE”

i) *Mystery Shopping*

Pemantuan dan lawatan tanpa dimaklumkan kepada PKMD dan ketua institusi melalui kaedah pemerhatian, panggilan telefon, temubual, semakan dokumen dan pemantauan secara maya.

ii) Inspektorat

Makluman secara bertulis ke PKMD / Institusi sebelum lawatan diadakan. Melalui inspektorat ini ianya dapat membina satu standard kualiti perkhidmatan, sebagai pelengkap (*compliment*) kepada sistem kawalan dalaman dan audit sedia ada, menanam budaya siap siaga disamping tidak melupakan memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada amalan-amalan terbaik. Pendekatan inspektorat adalah memberi focus kepada **memperbaiki kelemahan dan bukannya untuk mencari kesalahan.**

iii) *Revisit, Inspect and Correct (RiCo)*

Pemantuan berterusan melalui lawatan, pemeriksaan dan membuat pembetulan bagi memantapkan lagi sistem perkhidmatan.

iv) Audit

Mekanisme *check and balance* yang memberi fokus kepada keberkesanan tadbir urus, kecekapan dan keberkesanan operasi Jabatan melalui pematuhan kepada dasar, peraturan dan SOP. Selain itu juga, mekanisme ini menilai risiko dan integriti sistem kawalan dalaman dan sekaligus memantapkan proses penyampaian perkhidmatan. Program / aktiviti perlu dilaksanakan dengan berhemah dan sumber diurus dengan cekap dan berkesan tanpa mengeneipkan aspek integriti tinggi.

v) *See To Care (C2C)*

Merupakan inisiatif program turun padang yang bersesuaian dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.1/2015 bertarikh 1 Oktober 2015. Dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pelaksana Program Turun Padang yang dipengerusikan oleh KPKM, ahli-ahli terdiri daripada Pengarah Pengurusan dan Pengarah-Pengarah Bahagian berkaitan dan diurus setiakan oleh Bahagian Kawalan Standard. Melalui *C2C*, ianya merupakan platform bagi menyuarakan pandangan daripada pelbagai peringkat dan lapisan yang sekaligus isu di peringkat akar umbi dapat difahami seterusnya penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan oleh pengurusan tertinggi Jabatan. Pendekatan penting dalam *C2C* ini adalah dokumentasi kepada setiap pandangan, isu dan penambahbaikan yang telah diambil untuk dijadikan rujukan di masa-masa akan datang.

vi) Listen

Mendengar adalah satu cara terbaik dalam mempertingkatkan kekuatan organisasi selain bermuhasabah serta responsif terhadap isu-isu yang diutarakan. Melalui *Listen* ini, komen, maklumbalas, aduan, pandangan, laporan malahan pujian dan penghargaan perlu diambil berat dengan mengambil kira tahap perkhidmatan yang disampaikan dan seterusnya memberi penambahbaikan kepada isu-isu yang dibawa demi kebaikan organisasi.

vii) Engagement

Keterlibatan komitmen dengan semua pihak sama ada organisasi, pengurusan tertinggi, kakitangan pelbagai peringkat, sukarelawan, PSK, Badan Korporat dan klien. *Engagement* boleh dalam pelbagai bentuk seperti jalinan kerjasama, program turun padang, perjumpaan, konferens, mesyuarat dan sebagainya.

Menerusi Inisiatif **MIRACLE** ini menggariskan kepada 4 tindakan iaitu :

- Tindakan **serta merta** (Quick Win) – Pembedulan dibuat dalam tempoh 14 hari.
- Tindakan **jangkamasa pendek** – tindakan pembedulan dalam tempoh 3 bulan.
- Tindakan **jangkamasa sederhana** – Pelan tindakan dalam tempoh masa 3 hingga 6 bulan
- Tindakan **jangkamasa panjang** – Perancangan dan tindakan melebihi 6 bulan.
- Rumusannya, inisiatif **MIRACLE** menitikberatkan kecemerlangan keberhasilan menerusi **amalan terbaik dalam perkhidmatan, penanda aras (KPI), wow factor dan role model.**

Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2016.

Rang Undang-undang Kanak (Pindaan) 2015 yang telah diluluskan di Parlimen pada 4 Mei 2016 telah diwartakan semalam iaitu 25 Julai 2016. Dengan pewartaan ini nama RUU KK ini telah menjadi Akta Kanak-kanak (Pindaan) **2016** dan pihak Kementerian bercadang untuk menguatkuasakan Akta dalam masa terdekat dimana tarikhnya masih belum dimaklumkan kepada pihak JKM lagi. Selaras dengan itu, semua pegawai di peringkat institusi, daerah mahupun negeri perlu bersedia sekiranya Akta ini dikuatkuasakan bila-bila masa sahaja dari sekarang. Persediaan rapi yang telah dan sedang dibuat dari masa ke semasa perlu dimantapkan lagi bagi memastikan perlaksanaannya berjalan lancar seperti yang diharapkan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan RUUKK dan ini merupakan kejayaan kita semua.

Projek Rintis *Diversion*

Satu projek rintis *Diversion* akan dilaksanakan oleh KPWK M dengan kerjasama agensi lain yang berkaitan di bawah peruntukan kewangan UNICEF. Elemen *Diversion* atau suatu proses pengalihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah daripada memasuki sistem perundangan telah tidak dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Kanak (Pindaan) 2015. Pilot projek bagi program ini akan dijalankan di beberapa daerah yang sedang dikenalpasti oleh KPWK M. Diharapkan pegawai yang terlibat dapat memberi kerjasama dalam menjayakan projek ini.

Portal JKM Berwajah Baharu Dan Go-Live.

Portal JKM kini telah berwajah baharu dan go-live mulai 16 Jun 2016. Ciri-ciri yang ditampilkan pada portal JKM yang baharu adalah pada nilai-nilai estetika antara muka, berinformasi serta mesra pengguna selain mengintegrasikan kesemua portal-portal JKMN dalam satu portal. Ianya selari dengan arahan MAMPU untuk merasionalisasikan semua portal JKM Negeri dibawah satu portal utama.

1Serve

1Malaysia Customer Service of Civil Servants atau **1Serve** merupakan transformasi perkhidmatan kaunter kerajaan yang sebelum ini mengamalkan konsep satu (1) kaunter untuk satu (1) perkhidmatan kepada (1) kaunter pelbagai perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, prinsip utama perlaksanaan adalah untuk memberi perkhidmatan berimpak tinggi, meminimumkan kos, gerak kerja yang pantas dan meningkatkan kepuasan pelanggan melalui sistem penyampaian petugas barisan hadapan (*front liner*) yang berkesan dalam sektor awam menerusi jaringan kerjasama strategik dengan agensi swasta khususnya dalam bidang latihan dan perkongsian amalan-amalan terbaik.

Inisiatif **1Serve** ini akan memberikan perkhidmatan pantas kepada klien jabatan yang berurusan di kaunter. Pada masakini, ekspektasi masyarakat begitu tinggi terhadap perkhidmatan Jabatan. Seajar dengan itu, JKM harus memberikan perhatian yang penting dalam implementasi inisiatif ini. Menyedari impak 1Serve ini, JKM memperluaskan ke 7 lokasi iaitu di JKMWPKL, PKMD Klang, Gombak, Hulu Langat, Timur Laut, Seremban dan PKMB Sibu.

Perkhidmatan *Respite Care*

Pihak Jabatan telah memperkenalkan satu perkhidmatan baharu iaitu perkhidmatan *Respite Care* mulai tahun ini. Sebagai perintis, Perkhidmatan *Respite Care* ini dilaksanakan di Rumah Seri Kenangan Cheras dan telah mula beroperasi pada 30 Mac 2016. *Respite Care* adalah perkhidmatan alternatif kepada waris/ penjaga untuk menempatkan secara sementara Warga Emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan Warga Emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan.

Perkhidmatan *Respite Care* merangkumi jagaan dan perlindungan kepada Warga Emas di samping pengurusan dan penyediaan keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan tempat tinggal di institusi.

Record of Discussions (RoD) On The Project On Successful Ageing: Community Based Programmes And Social Support System In Malaysia

Di peringkat Antarabangsa pula, untuk makluman semua hadirin pada 25 Jun 2015 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* telah menandatangani *Record Of Discussions On The Project On Successful Ageing: Community Based Programmes And Social Support System In Malaysia* bagi tempoh dua tahun.

Dalam tempoh ini, kepakaran dari Jepun berkaitan warga emas akan dikongsikan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui seminar, latihan dan perbincangan. Seramai lebih kurang 32 orang pegawai JKM akan dilatih secara *hands-on* dan dijadikan pakar rujuk berhubung isu-isu warga emas. Pada bulan Ogos 2016 nanti, seramai 18 orang pegawai JKM akan mengikuti latihan di Jepun serta Thailand bagi fasa pertama program ini.

Program Khalifah Junior

Program Khalifah Junior merupakan satu inisiatif baru Bahagian Kanak-Kanak (BKK). Program ini bertujuan :

- untuk menggilap potensi diri dan kreativiti kanak-kanak di dalam pelbagai bidang di institusi kanak-kanak.
- supaya kanak-kanak boleh dijadikan contoh kepada kanak-kanak yang lain di institusi.

- ianya dapat memantapkan fahaman agama kanak-kanak melalui aktiviti hafazan, azan, pidato, bercerita kisah-kisah nabi dan kuiz minda.

Program ini akan dilaksanakan pada 5 hingga 7 Ogos 2016 akan datang yang melibatkan seramai 190 orang kanak-kanak daripada 40 buah institusi kanak-kanak seluruh negara.

Deinstitutionalisation (DI)

Pelaksanaan Program *Deinstitutionalisation* atau DI adalah program untuk menggantikan penempatan kanak-kanak di institusi kepada penempatan kanak-kanak berasaskan keluarga dalam komuniti terutama bagi kanak-kanak yang dalam cadangan dimasukkan ke institusi JKM atau yang sedang berada di dalam insituti JKM. Jagaan berasaskan keluarga adalah lebih baik berbanding institusi kerana mempunyai elemen *personal care* yang lebih kondusif untuk perkembangan dan pembangunan kanak-kanak.

Sehingga Jun 2016 seramai 279 kanak-kanak di dalam institusi dan komuniti telah ditempatkan kepada ibubapa pelihara, Orang Yang Layak dan Sesuai serta di NGO.

Besarliah harapan saya agar majlis hari ini secara tidak langsung terus memekarkan semangat kerja berpasukan di organisasi kita ini. Kerja berpasukan mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan serta komitmen terhadap prestasi pasukan dan bersedia melaksanakan tugas secara bersama.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan, Bahagian DSA, Bahagian Kanak-kanak dan CSO yang menjadiurus setia perhimpunan pada kali ini.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

6

**PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
DI MAJLIS PERJUMPAAN BERSAMA PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
GRED S48 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

MARINA PUTRAJAYA

8.10.2015

6

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT DI MAJLIS PERJUMPAAN BERSAMA PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S48 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

MARINA PUTRAJAYA

8.10.2015

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita masih diberi kesempatan untuk berjumpa dan berkumpul pada petang ini di dewan yang sungguh indah lagi bermakna bagi tuan-tuan dan puanpuan.

Saya difahamkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan telah mengikuti ceramah berkaitan dengan kepimpinan dan ini adalah amat bersesuaian dan bertepatan dengan kedudukan tuan/puan yang menyandang jawatan Gred S 48.

Di JKM, pegawai Gred 48 dikira sebagai pemimpin dalam pengurusan pertengahan. Oleh itu sebelum meneruskan ucapan saya, marilah kita sama-sama renungkan mutiara kata berikut,

*Leadership is understanding people and involving them
to help you do a job. That takes all of the good
characteristics, like integrity, dedication of purpose,
selflessness, knowledge, skill, implacability, as well as
determination not to accept failure.*

~ Admiral Arleigh A. Burke

Ucapan Tahniah

Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Majlis Perjumpaan ini diadakan khas bagi penyampaian surat kenaikan pangkat ke gred S.48 yang telah lama dinantikan. Sebagai Ketua

Perkhidmatan, saya amat gembira dengan kejayaan tuan/puan dan pada kesempatan ini, saya dan barisan pengurusan jabatan mengucapkan tahniah dan syabas. Perlu saya ingatkan bahawa kenaikan pangkat bukanlah semata-mata kenaikan gred dan gaji tetapi diikuti dengan tanggungjawab, amanah, akauntabiliti yang perlu digalas oleh tuan/puan yang akan menjadi pemimpin di masa akan datang.

Ilmu dan Pengetahuan

Tuan/puan perlu melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu dan pengetahuan. Klien jabatan sekarang lebih bijak jika dibandingkan dengan klien pada tahun 70an.

Masyarakat pada masa kini mengharapkan anggota perkhidmatan yang cepat bertindak dalam sesuatu urusan. *Sense of urgency* dalam sesuatu urusan atau tindakan sentiasa tersemat di dalam hati tuan/puan. Dalam lain perkataan *business not as usual*. Jangan lah kita dianggap sebagai *seat warmer* sahaja.

Kemahiran

Sebagai pemimpin, tuan/puan perlulah mempunyai kemahiran atau skill supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efisien dan efektif. Kemahiran ini boleh diperolehi samada melalui kursus serta pembelajaran berterusan.

“Those people who develop the ability to continuously acquire new and better forms of knowledge that they can apply to their work and to their lives will be the movers and shakers in our society for the indefinite future.”

Brian Tracy

Menyedari betapa pentingnya ilmu pengetahuan serta kemahiran kepada warga kerja JKM, jabatan telah memulakan langkah terbaik dalam menyediakan warga kerja yang berpengetahuan dan mahir menerusi pelan pembangunan modal insan JKM. Dalam pelan pembangunan modal insan jabatan yang sedang dibangunkan bagi tahun 2016-2020, Elemen kursus bercorak kemahiran samada jangka pendek atau sederhana telah dimasukkan dalam pelan tindakan termasuklah penempatan jangka pendek di agensi-agensi terpilih supaya pegawai JKM dapat mempelajari *best practices* dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam cara kerja di JKM.

Nilai-nilai Murni Sebagai Budaya Kerja

Dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan, kita hendaklah sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni sebagai budaya kerja cemerlang. Sungguhpun perkara ini tidak asing lagi bagi tuan/puan yang telah lama dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, sebagai seorang pemimpin, pameranlah sifatsifat yang selayaknya dimiliki seorang pemimpin seperti berintegriti, berdidikasi dan proaktif agar tuan/puan dicontohi serta diteladani.

Peka Terhadap Perubahan

JKM sebagai sebuah agensi yang menyediakan perkhidmatan kebajikan dan pembangunan masyarakat kepada individu, keluarga, kelompok dan komuniti. Justru, dalam mencapai wawasan Kerajaan dalam mengutamakan rakyat, kita perlu sensitif kepada perubahan sekeliling, sanggup menerima perubahan dan bersedia melakukan perubahan dari segi minda, sikap, kualiti kerja dan sebagainya. Kita mestilah perlu menjadi lebih baik, lebih tangkas dalam memahami aspirasi masyarakat, sentiasa berusaha meningkatkan imej jabatan supaya menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi. Jika kita tidak mampu untuk berubah atau sukar untuk menerima perubahan untuk menjadi lebih cemerlang. Percayalah pada satu ketika nanti kehadiran kita semakin tidak diperlukan dalam organisasi. Maknanya, kalau ini lah berlaku, maka peranan kita dalam organisasi mungkin diganti oleh orang lain.

Peluang Kenaikan Pangkat

JKM sentiasa berusaha untuk memastikan pegawai yang berpotensi dan menunjukkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas diberi peluang untuk dinaikkan pangkat seperti tuan dan puan-puan pada hari ini. Justru, saya telah mengarahkan Bahagian Pengurusan, JKM supaya sentiasa merancang proses kenaikan pangkat berdasarkan kepada kekosongan jawatan sedia ada.

Untuk makluman jua, sekarang ini JKM sedang dalam proses menyediakan kertas pemangkuan jawatan bagi Pegawai Pembangunan Masyarakat gred S.44 ke gred S.48. Selain itu, JKM juga sentiasa mengambil tindakan dengan memperakukan kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan berdasarkan *Time Based Berdasarkan Kecemerlangan (TBBK)*.

Penutup

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.

7

PERUTUSAN KPKM DI HARI INOVASI 2015

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

24.11.2015

7

PERUTUSAN KPKM DI HARI INOVASI 2015

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

24.11.2015

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinanNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam sambutan Majlis Hari Inovasi JKM 2015 yang diadakan pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran YB. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke Majlis ini dan ucapan terima kasih kerana sudi menyempurnakan majlis perasmian pada petang ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YB Menteri kerana telah dipilih sebagai Presiden, *Unesco Intergovernmental Council of The Management of Social Transformation Programme* (MOST IGC) Paris bagi tempoh 2015-2017. Ini menunjukkan pengiktirafan dan kepercayaan yang diberi oleh ahli yang lain. Saya yakin dan percaya YB Menteri dapat menguatkan peranan dalam kajian sains sosial dan kemanusiaan, bertindak sebagai fasilitator bagi kerjasama dan mobilisasi kapasiti dan pusat rujukan dasar.

Tujuan Majlis Hari Inovasi

Pelaksanaan Hari Inovasi adalah merupakan agenda tahunan Jabatan bagi mengiktiraf usaha yang telah dilaksanakan oleh seluruh warga JKM ke arah membudayakan inovasi dan kreativiti dalam menghasilkan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada kumpulan sasar Jabatan. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan melalui surat Pekeliling MAMPU berkaitan "**Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam**" tentang keperluan dan usaha untuk meningkatkan budaya inovasi sejajar dengan agenda transformasi negara yang berpaksikan

penghasilan mutu perkhidmatan yang berinovatif dan kreatif.

Acara tahunan ini menjadi satu kebanggaan kepada warga JKM yang mana pada setiap kali ia dilaksanakan, JKM memberi peluang dan pengiktirafan kepada warga JKM yang telah bertungkus lumus dan bersepadu untuk menyumbang idea-idea yang kreatif dan inovatif.

Di kesempatan ini, saya menyeru seluruh warga JKM hendaklah tidak jemu untuk memikirkan kemajuan dan inovasi yang boleh dilaksanakan dan bukannya sekadar mengekalkan pendekatan dan kemudahan sedia ada sahaja dalam memenuhi keperluan dan kehendak *stakeholder* dan kumpulan sasar yang semakin kompleks. Memandangkan gelombang inovasi telah melimpahi aliran pemikiran warga JKM, maka kita tidak seharusnya merasa selesa dengan penghasilan inovasi yang sedia ada, malah perlu menyahut aspirasi kerajaan untuk terus mengarusperdanakan inovasi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah atas kejayaan ke saringan akhir Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015 yang diadakan bermula hari ini 24 hingga 26 November 2015 di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan, Pahang. Penyertaan ini mewakili KPWKM khasnya JKM.

Pelaksanaan inovasi tidak seharusnya terhad untuk pertandingan bagi mendapatkan pengiktirafan dan anugerah semata-mata, tetapi apa yang lebih penting adalah inovasi itu perlu dibudayakan oleh setiap warga Jabatan yang akhirnya menjadi kekuatan dan tunjang kepada kejayaan organisasi. Saya sangat berharap tuan/puan mengamalkan nilai ciptaan inovasi yang baik yang dicipta oleh rakan-rakan kita ditempat tuan/ puan bertugas. Sekiranya perkara ini tidak dipraktikkan, ianya merugikan kita semua.

Kriteria Dan Pemilihan Penerima Anugerah 2015

Anugerah Inovasi JKM 2015 telah menyaksikan sejumlah 64 penyertaan mewakili Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri, Daerah dan Institusi JKM yang melibatkan 6 kategori anugerah. Seramai 15 orang Panel Hakim dari JKM, KPWKM dan Agensi Luar telah terlibat dalam mengadili anugerah pada kali ini yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM.

Pembangunan Dan Pengkomersilan Produk Inovasi Jkm

Pada tahun 2014 JKM telah menjalinkan kerjasama (MoU) dengan Technology Park Malaysia dalam usaha untuk membangun dan mengkomersilkan produk inovasi yang dihasilkan oleh warga JKM melalui Program Inovasi Inklusif "*Women Innovate*". Melalui program ini sebanyak 12 produk inovasi JKM telah dibangunkan untuk tujuan pengkomersilan. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Technology Park Malaysia (TPM) dalam membantu JKM. Antara produk yang telah dibangunkan adalah:

- MOPAR – Mobile Flexible Partition yang dihasilkan usahasama antara TPM dengan Bahagian Kebajikan Produktif, JKM;
- Meja Pelbagai Guna yang telah di hasilkan oleh Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Kelantan;
- Alat Urin Wanita dari Rumah Seri Kenangan Taiping, Perak;
- Kabinet Pemanas Makanan dari Pusat Pengembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor;
- Handy Desk dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan, Sarawak;
- KBM Pintar dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan, Sarawak;
- TOMEKER dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang;
- Kerusi Roda Therapeutik dari Bengkel Pemulihan Marang, Terengganu;
- Smart Helmet dari Bengkel Pemulihan Marang, Terengganu;

- Almari T-10 dari Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu;
- Sand Beg dari Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah Seremban, Negeri Sembilan; dan
- Bio-Quilt Multipurpose Blanket dari Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka.

Dalam hal ini, sesuatu yang boleh dibanggakan apabila dua (2) daripada produk ini iaitu MOPAR dan TOMEKER telah dibawa ke Pameran di peringkat Antarabangsa di Geneva dan salah satu daripadanya telah berjaya dikomersilkan. Ini menunjukkan keupayaan kita untuk kekal mampan dan kompetitif dalam persaingan penarafan antarabangsa.

Penghargaan Dan Penutup

Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YB. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah sudi menerima jemputan dan seterusnya merasmikan Majlis Hari Inovasi JKM Tahun 2015.

Terima kasih kepada Tuan Haji Mohd Fazari Mohd Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) selaku Pengerusi Panel Pertandingan Anugerah Inovasi JKM 2015, wakil daripada Perbadanan Produktiviti Negara (MPC), wakil daripada KPWKMM dan wakil JKM.

Terima kasih juga kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Hari Inovasi JKM 2015, serta semua ahli jawatankuasanya yang telah bekerja bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis ini.

Syabas dan tahniah kepada semua pemenang Anugerah Inovasi, semoga ini menjadi galakan kepada yang lain untuk terus dan sentiasa membudayakan inovasi dan kreativiti di tempat kerja masing-masing.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

8

**PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PENUTUP
KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN
TAHUN 2015**

Hotel LEXIS, Port Dickson, Negeri Sembilan

17.10.2015

8

PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PENUTUP KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN TAHUN 2015

Hotel LEXIS, Port Dickson, Negeri Sembilan

17.10.2015

Alhamdulillah saya ingin memanjatkan kesyukuran ke Hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua kita diberi kesempatan untuk berjumpa dan berkumpul pada petang ini di dewan yang sungguh indah lagi bermakna bagi tuan/tuan dan puan/puan.

Kursus ini adalah julung-julung kali diadakan oleh Unit Perolehan, Cawangan Perolehan dan Pengurusan Aset, Bahagian Pengurusan. Peserta adalah terdiri daripada Pengarah-pengarah Bahagian, Ketua-ketua Institusi JKM, wakil-wakil dari agensi dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu dari Institut Sosial Malaysia, Jabatan Pembangunan Wanita dan Lembaga Penduduk Pembangunan dan Perancangan Keluarga.

“We are accountable to each other and the people dan bertanggungjawab kepada Allah S.W.T di hari perhitungan. Kita telah diberi amanah, kita mestilah beramanah., we hold the people trust , we must therefore be trusted”.

*(YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi – Majlis Perdana
Persidangan Awam ke 5)*

Itulah petikan katakata dari YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi mantan Perdana Menteri Malaysia yang amat memberi makna dan kesan didalam hati kita.

Tujuan Kursus

Berbalik kepada tujuan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam mengenai konsep dan prosedur dalam pengurusan perolehan Kerajaan disamping memperoleh kemahiran dan kepakaran dalam aspek-aspek kritikal mengenai prosedur dan proses-proses dalam perolehan Kerajaan.

Pentingnya pengurusan perolehan Kerajaan yang cekap dan berkesan dapat meningkatkan kesedaran mengenai akauntabiliti dalam pengurusan perolehan Kerajaan dan seterusnya membantu membentuk mekanisme yang berkesan dalam kawalan dan pelaksana dan perolehan Kerajaan.

Akauntabiliti Dan Integriti Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan Kerajaan

Akauntabiliti dan integriti adalah antara prinsip yang perlu ada dalam setiap penjawat awam. Perlaksanaan dan tanggungjawab yang diamanahkan disertakan dengan prinsip-prinsip akan dapat memastikan peruntukan yang diberikan kepada agensi kerajaan, program, aktiviti dan sebagainya mengikut perancangan perbelanjaan dan anggaran serta mendapat pulangan terbaik dari segi ringgit yang dibelanjakan. Pengurusan Kewangan pula merujuk kepada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai) barangan (asset), dan perkhidmatan bagi memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undangundang, prosedur dan arahan yang berkuatkuasa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan yang cekap dan teratur amat penting dalam menguruskan sumber-sumber yang terhad seperti tenaga manusia, wang, bahan-bahan mentah dalam menentukan alternative terbaik dalam menguruskan sumber-sumber tersebut dan seterusnya meningkatkan tahap ekonomi negara. Perolehan kerajaan merujuk kepada proses mendapatkan input-input yang diperlukan oleh sesebuah organisasi dengan cekap pada kos yang paling menguntungkan (*value for money*) dan memenuhi keperluan pelanggan. Ia hendaklah dilaksanakan secara terbuka, adil dan saksama kepada semua pembekal dan kontraktor yang berkelayakan dan diuruskan dengan cekap dan teratur tertakluk kepada undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuatkuasa seperti Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan. Ia bertujuan untuk memastikan perolehan yang dibuat adalah paling **MENGUNTUNGAN** dan memenuhi matlamat "*value for money*" bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

Faktor utama yang menyebabkan berlakunya pembaziran dan ketirisan adalah disebabkan sikap penjawat awam yang tidak mempunyai dan tidak mengamalkan nila-nilai murni seperti

akauntabiliti, integriti, berkecuali, amanah, bersih, jujur, telus dan adil dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Sikap sebegini sudah pasti akan menggagalkan matlamat “*value for money*” di dalam menguruskan perolehan kerajaan.

PEMBAZIRAN boleh berlaku disebabkan pembelian secara berlebihan, barang-barang yang tidak berkualiti dan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan, membuat perolehan tanpa perancangan yang teratur dan dengan sengaja mewujudkan keperluan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja. Manakala **KETIRISAN** boleh berlaku disebabkan percanggahan kepentingan, pilih kasih terhadap pembekal atau telah berpakat, tidak melaporkan kecacatan dan kekurangan, membocorkan maklumat jabatan, mengutamakan kepentingan sendiri berbanding kepentingan awam dan telah menerima **KOMISEN ATAU SUAPAN**.

Oleh yang demikian prinsip akauntabiliti dan integriti dalam setiap penjawat awam memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama, serta cekap dan teratur berpandukan undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuatkuasa.

Harapan

Diharapkan pengurusan perolehan di PTJ dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur serta dapat meminimumkan permohonan kelulusan khas Perbendaharaan. Dengan ini pihak PTJ dapat membuat perolehan yang terancang dan berkesan. Dengan adanya kursus ini membantu pihak PTJ untuk mewujudkan satu mekanisme pemantauan perolehan yang “reliable dan significant”. Secara tidak langsung pengurusan perolehan dan kewangan JKM dapat ditambahbaik secara keseluruhannya.

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

9

**PERUTUSAN KPKM
DI MAJLIS PENUTUP KURSUS PENGURUSAN MEDIA TAHUN 2015**

THE ROYAL BINTANG THE CURVE, DAMANSARA

11.10.2015

9

PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PENUTUP KURSUS PENGURUSAN MEDIA TAHUN 2015

THE ROYAL BINTANG THE CURVE, DAMANSARA

11.10.2015

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNYA, dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Kursus Pengurusan Media bagi Tahun 2015.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak urus setia iaitu Bahagian Latihan Ibu Pejabat di atas penganjuran kursus ini yang melibatkan Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengarah Pengarah Bahagian dan Negeri. Tidak lupa juga kepada Unit Perhubungan Awam yang menguruskan media di peringkat Jabatan.

Pendahuluan

Pengurusan media adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan dalam konteks pentadbiran awam yang mana Jabatan hendaklah sentiasa menjalinkan hubungan secara berterusan dengan pihak media massa ke arah mempromosikan dasar, program dan aktiviti Jabatan secara positif dan meluas mengikut peraturan serta garis-garis yang telah ditetapkan dengan melaksanakan langkah-langkah seperti melantik Pegawai Perhubungan sebagai perantara untuk melayani pertanyaan atau permintaan wakil media, memantau dan menilai liputan media serta memberi respon kepada isu-isu yang dibangkitkan termasuk membetulkan salah liputan atau persepsi dan mewujudkan jalinan hubungan yang baik dengan pihak media.

Oleh itu, objektif Kursus Pengurusan Media ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai tatacara berhadapan dengan media. Kursus ini dilengkapi dengan pelbagai modul bertujuan untuk bagi memberi peluang kepada Pengurusan Tertinggi menjalani latihan amali sebenar apabila berhadapan dengan media, kamera, televisyen mahupun temuramah secara mengejut.

Menjaga Imej

Suka saya ingatkan bahawa setiap kali Dato'/Tuan/Puan berhadapan dengan media, sebenarnya Dato'/Tuan/Puan sedang membawa sekali nama Jabatan di mata masyarakat, oleh itu nasihat saya adalah supaya semua pihak menjaga imej diri sebagaimana kita menjaga nama baik Jabatan. Dari segi tutur kata ianya mestilah sesuatu yang teratur, kemas dan selari dengan perkhidmatan yang kita salurkan kepada masyarakat supaya masyarakat di luar sana lebih memahami aspirasi Jabatan yang sebenar.

Penyediaan Maklumat Program Dan Isu

Ingin saya sarankan di sini, setiap kali sesuatu program itu ingin dijalankan oleh sesebuah Bahagian, urus setia Bahagian perlulah mengambil inisiatif untuk menyediakan kit maklumat mengenai program tersebut. Kit maklumat tersebut cukup hanya memaklumkan secara ringkas mengenai program dan perkara-perkara lain yang perlu di*highlight*kan seperti isu atau pun statistik terkini yang berkaitan. Ianya bagi memudahkan para Pengurusan Tertinggi yang akan menghadiri sidang media yang lazimnya diadakan selepas program.

Selain itu, ingin saya tegaskan juga mengenai penyediaan maklumat bagi sebarang isu yang sedang viral di media termasuk media sosial. Penyediaan maklumat atau maklum balas berkaitan perlulah disediakan dengan kadar segera supaya Jabatan tidak dianggap sambal lewa dalam menangani sesuatu isu waima perkara tersebut berlaku pada hujung minggu sekalipun. Sebaik sahaja mendapat maklumat bahawa sesuatu isu itu berlaku, Pengarah Bahagian mahupun Pengarah Negeri harus menggerakkan jentera anak buah sehingga di peringkat daerah untuk menyediakan maklumat tersebut.

Seterusnya mengenai lawatan kerja rasmi yang sering dilakukan oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) seperti YB Menteri mahupun kedua-dua Timbalan Menteri beliau. Lazimnya apabila mereka mengadakan lawatan rasmi, media pasti akan bersama-sama mereka untuk mengetahui sesuatu isu terkini berkaitan perkhidmatan kita di Negeri yang mereka lawati. Di sini, Pengarah Negeri harus memainkan peranan dengan mengambil tahu setiap perkara yang berlaku di Institusi kita terutamanya. Input input yang berkaitan juga perlu disediakan supaya kita dilihat sentiasa bersedia dalam apa jua keadaan sekalipun.

Kenyataan Berkaitan Dasar

Tidak dinafikan bagi isu-isu yang hangat di media, pihak media seringkali ingin mendapatkan maklum balas segera daripada pihak JKM. Mereka seolah-olah berlumbalumba untuk mendapatkan *scoop* yang hangat untuk melariskan akhbar atau stesen TV mereka. Di pihak kita sendiri pun faham akan tugas masing-masing. Kita juga perlukan mereka untuk memberi penjelasan mengenai perkhidmatan Jabatan. Namun begitu, saya mahu Dato'/Tuan/Puan tidak mudah melatah dalam hal ini. Perkara yang melibatkan dasar JKM atau KPWKM yang tidak harus disentuh dalam kenyataan-kenyataan kita ketika bersama media.

Sekiranya pihak media ingin mendapatkan maklumat daripada kita dan kita tidak fasih mengenai maklumat tersebut, Dato'/Tuan/Puan boleh merujuk terlebih dahulu dengan dua (2) orang Timbalan saya ataupun saya sendiri. Saya cuma ingin kita bersama-sama dan bermuafakat dalam menangani sesuatu isu yang diutarakan oleh media agar Jabatan tidak 'terperangkap' dan masyarakat sendiri di luar sana jelas dan tidak mempertikaikan peranan kita.

Suka juga saya tegaskan di sini, mengenai kenyataan sesuatu isu yang telah diperkatakan oleh YB Menteri saya rasa tidak perlulah diulaskan lagi di peringkat kita. Maksud saya di sini, sekiranya isu yang sama ditanyakan oleh media kepada kita, cukuplah sekadar YB Menteri mahupun Timbalan yang berhadapan dengan media. Tidak perlulah kita juga terlalu ke hadapan memperkatakan isu yang sama apabila beliau sendiri telah memberi kenyataan kerana dikhuatiri akan berlaku percanggahan informasi.

Permohonan Wawancara

Setiap hari di pejabat saya akan menerima permohonan untuk menjalani wawancara secara rakaman mahupun siaran langsung di radio, akhbar juga televisyen. Saya lihat pelbagai isu yang menarik ingin diketengahkan oleh pihak media dalam mendidik masyarakat untuk mengambil berat tentang isu-isu kebajikan dan kemasyarakatan. Di pihak saya sendiri, saya tiada halangan untuk membenarkan Pengarah-Pengarah berkaitan sesuatu isu itu untuk hadir dan muncul dalam mana-mana program TV selagi ianya tidak bertentangan dan melanggar Akta-Akta yang berkaitan dengan Jabatan.

Cuma ingin saya sarankan agar mana-mana Pengarah yang diarahkan untuk muncul di media itu agar membawa sekali pegawai kanan supaya pegawai muda juga diberi pendedahan awal bagaimana untuk berhadapan dengan media memandangkan mereka adalah pelapis kepada kita

kelak. Pada masa akan datang mereka adalah amat berpotensi untuk berinteraksi di hadapan media bagi terus mewar-warkan perkhidmatan Jabatan.

Penutup

Sebelum saya mengakhiri ucapan, besar harapan saya sekiranya ilmu yang bakal kita perolehi daripada kursus ini dapat kita amalkan dan kongsi bersama pegawai-pegawai kita yang lain supaya mereka juga turut mendapat manfaat atas ilmu yang telah disampaikan ini. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Kursus Pengurusan Media 2015.

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

10

**PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PENUTUP KURSUS ORIENTASI DAN PENGENALAN
JABATAN BAGI PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S27
DAN PEMBANTU KEBAJIKAN MASYARAKAT GRED S17**

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

30.9.2015

10

PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PENUTUP KURSUS ORIENTASI DAN PENGENALAN JABATAN BAGI PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S27 DAN PEMBANTU KEBAJIKAN MASYARAKAT GRED S17

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi Selangor

30.9.2015

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua kakitangan hari ini yang telah berjaya dilantik sebagai kakitangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seramai 111 orang telah ditawarkan dengan jawatan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pembantu Kebajikan Masyarakat yang merangkumi:

- 40 orang - Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat - Gred S27 (seorang telah menolak tawaran)
- Calon KPSL dan yang sedang berkhidmat di JKM – 6 orang
- Calon lantikan terus (baru) – 14 orang 72 orang - Pembantu kebajikan Masyarakat – Gred S17

Pertambahan jawatan ini adalah selaras dengan pelan penstrukturan Jabatan yang mana kita telah diluluskan 2,696 perjawatan baru dari pelbagai pangkat dan gred melalui 3 Fasa pengambilan. Fasa Pertama ini, sebanyak 810 perjawatan telah diluluskan, diikuti dengan 840 perjawatan untuk Fasa Kedua dan Fasa Ketiga pula sebanyak 1046 perjawatan.

Perjawatan tuan/puan ini adalah yang ketiga bagi tahun 2015. Justeru tuan/puan seharusnya bersyukur kerana terpilih untuk menjawat jawatan ini daripada ribuan permohonan yang mengharapkan berita gembira. Oleh yang demikian, janganlah dipersia-siakan peluang yang telah diberikan ini. Untuk makluman tuan / puan juga, ini adalah lantikan terakhir bagi tahun 2015.

Transformasi Jabatan Kebajikan Masyarakat

Dalam tempoh 68 tahun ini, perkhidmatan JKM telah mengalami beberapa evolusi berdasarkan perkembangan dan keperluan masyarakat semasa. Berikutan perkembangan perindustrian yang pesat, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), globalisasi, perubahan sosiobudaya dan sebagainya. Tindakan intervensi dan penyelesaian masalah social khususnya yang berkaitan dengan psikosocial manusia memerlukan tenaga kerja professional yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kerja sosial. Sehubungan dengan itu, JKM memerlukan pegawai yang mempunyai kemahiran dan kompetensi dalam bidang kerja sosial bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang lebih profesional dan berkesan.

Pengambilan pegawai pembangunan masyarakat yang terlatih dan mempunyai kelulusan dalam bidang kerja sosial akan membolehkan pegawai pembangunan masyarakat JKM, memberikan perkhidmatan secara profesional dan bermutu kepada masyarakat.

Antara Transformasi JKM adalah dengan mewujudkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial sebagai penanda aras bagi mengawal praktis dan perkhidmatan yang diberikan. Modul Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial telah disediakan dan telah dilaksanakan pada tahun 2014 bagi tujuan meningkatkan kompetensi pegawai pembangunan masyarakat JKM demi memberikan perkhidmatan secara profesional dan bermutu kepada masyarakat. Selain itu juga tuan/puan, Memorandum of Agreement (MOA) telah termeterai di antara JKM dan UUM bagi Program Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) 28 Mac 2014 lepas. Program kerjasama Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) antara JKM dan UUM ini adalah merupakan satu mekanisme bagi memberi peluang kepada kakitangan JKM mendapatkan latihan yang diakreditasi sebagai pengamal Kerja Sosial. Hubungan kerjasama ini menepati transformasi Jabatan untuk melahirkan Pekerja Sosial yang profesional dan standing dengan piawaian Kerja Sosial di peringkat antarabangsa.

Kerja Sebagai Satu Ibadah didalam Perkhidmatan Awam Unggul ke Arah Merealisasikan Wawasan 2020

Pelan Transformasi Kerajaan adalah satu perencanaan halatuju untuk mencapai Wawasan 2020, merangkumi skop yang meluas. Sebenarnya kejujuran dan keikhlasan dalam melakukan kerja ini adalah sangat dituntut oleh Allah S.W.T. Hal ini penting untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam pencarian rezeki yang halal untuk diri dan keluarga. Dalam agama sendiri, ibadah tidak hanya memberi tumpuan kepada sembahyang, berzikir dan bertasbih sahaja, tetapi digalakkan juga umat Islam untuk bekerja dengan bersungguh sungguh, dengan hati yang ikhlas

dan niat yang betul dimana semua pekerjaan baik yang dilakukan dengan hati yang ikhlas dan tidak bercanggah dengan pandangan alam, ia adalah satu tuntutan dan dikira sebagai satu ibadah.

Selain itu, dalam pada mengejar budaya kerja cemerlang ini para pekerja perlulah mempunyai ciri-ciri seperti rajin berusaha, tekun, berdisiplin, sabar, amanah dan bertanggungjawab dengan segala tugas yang dipikul. Jangan jadikan kerja-kerja tersebut sebagai satu bebanan. Ini kerana punca rezeki kita adalah daripada hasil kerja yang kita cari.

Justeru, untuk mengejar budaya kerja cemerlang, di mata majikan, rakan sejawat dan yang penting di sisi Allah S.W.T, kita perlu memahami kejujuran dan keikhlasan yang wajar menjadi rujukan utama. Akhlak dan nilai-nilai baik perlulah ditanam dan diterapkan di kalangan pekerja bagi menjamin mutu kerja yang lebih berkesan. Disamping itu majikan pula perlu menjadikan kakitangannya sebagai aset yang sangat bernilai dalam memastikan matlamat jabatan dan organisasi tercapai. Sekiranya diambil contoh negara Jepun, misalnya mengamalkan budaya kerja SAMURAI. Budaya kerja ini menekankan kepada kesefahaman bersama seperti kecekapan berjuang, kesetiaan, dan pengabdian diri kepada ketua dan pemimpin, bekerja bermati-matian, ini menjadikan negara Jepun berjaya menterjemahkan budaya kerja mereka sehingga mereka menjadi satu bangsa yang berjaya mendaulatkan kekuatan pasaran perdagangan dan perindustrian yang unggul di dunia. Misalnya, mereka berjaya dalam mengeluarkan industri elektronik dan industri kereta yang terkenal dengan teknologi yang canggih. Jadi budaya kerja dan cara hidup orang Jepun ini telah menjadikan mereka beroleh kejayaan sampai sekarang. Apakah dikatakan budaya kerja cemerlang jika segelintir pekerja masih lagi melakukan tugas-tugas secara sambal lewa, cuai, tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan dan sebagainya. Lebihlebi lagi mereka yang bersikap suka membuang masa, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan, tidak menyimpan rahsia, pecah amanah, melakukan rasuah dan sebagainya. Ini semua melambangkan sikap pekerja yang tidak berakhlak dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Bukan itu sahaja, segelintir pekerja juga ada yang melakukan kerja hanya kerana terpaksa atau sekadar melepas batuk di tangga dan bukannya untuk mencari keredaan daripada Allah S.W.T. Jadi kerja yang dilakukan itu hanya sia-sia sahaja. Oleh sebab itu, kita pada hari ini perlu bangkit dalam memperkasakan kecemerlangan dan meningkatkan budaya kerja cemerlang. Sehubungan itu, untuk meningkatkan mutu kerja kita apa yang perlu, kita disarankan belajar semula daripada kesilapan kerja-kerja lepas dan membuat penambahbaikan.

Ekspektasi Jabatan

Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Jabatan mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap golongan sasaran iaitu keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang papa, mangsa bencana dan komuniti. Oleh yang demikian, perkhidmatan kebajikan ini merupakan satu perkhidmatan yang sangat mencabar dari aspek penyampaian perkhidmatan dan kompleksiti golongan sasaran. Justeru, ekspektasi Jabatan terhadap mutu perkhidmatan yang diberikan melalui 104 buah daerah dan 65 buah institusi kepada golongan ini amatlah dititikberatkan dan menuntut tuan/puan untuk sentiasa beretika dalam menjalankan tugas.

Selain daripada itu, tuan/puan bukan sahaja perlu mengambil berat cara berkomunikasi dengan golongan sasaran, malahan dengan pengurusan atasan, pemimpin masyarakat dan *stakeholders*. Oleh itu, adalah wajar untuk kita bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik dan bersabar dalam melaksanakan tanggungjawab ini pada setiap masa. Kita perlu faham bahawa kewujudan kita adalah kerana adanya keperluan-keperluan pelanggan yang perlu dipenuhi.

Kita seharusnya menerima idea dan kritikan membina yang diutarakan oleh pelanggan dengan hati dan minda terbuka serta membuat penilaian dengan jujur. Sikap keterbukaan dan mudah didekati perlu ada pada diri agar pelanggan berasa selesa untuk berhubung dan berinteraksi. Kita juga hendaklah “memasang telinga dan membuka mata” bagi mengetahui masalah dan keperluan pelanggan dan membawa perkhidmatan kepada mereka. Perbezaan generasi, etnik, budaya dan kepercayaan seharusnya tidak dijadikan sebagai penghalang tetapi sebagai sumber kekuatan inspirasi untuk melonjakkan perkhidmatan Jabatan kearah tahap perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Kemahiran Kerja Berpasukan

Dalam sesebuah organisasi sama ada formal atau tidak formal, kesatuan memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan. Dalam hal ini, kerja berpasukan merupakan salah satu bentuk pengurusan dan prasyarat penting bagi membina kesatuan demi mencapai kejayaan organisasi tersebut.

Allah SWT mencintai mereka yang gemar melakukan kerja secara berpasukan atau melalui organisasi yang tersusun, sehingga digambarkan mereka itu seumpama sebuah bangunan yang kukuh serta utuh.

Firman Allah SWT:

*Sesungguhnya, Allah mengasihi
orang-orang yang berjuang untuk membela agama-Nya,
dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka
sebuah bangunan yang tersusun kukuh. (as-Saff: 4)*

Melalui kerja berpasukan, matlamat dan misi sesuatu organisasi akan dapat dicapai secara lebih menyeluruh dan berkesan. Kerja berpasukan yang baik juga akan mengurangkan masalah pembaziran tenaga dan meningkatkan semangat dan daya motivasi di kalangan anggota sesebuah organisasi. Dalam memastikan kejayaan sesebuah organisasi, anggota-anggota perlu mempunyai ciri-ciri kerja berpasukan yang bersemangat tinggi, mampu berkerja bersama-sama dan mencapai objektif bersama sebagai satu kumpulan. Perlu dititikberatkan juga ialah kerja berpasukan boleh berkembang dengan baik sekiranya pihak pengurusan dapat mewujudkan iklim kerja yang positif.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan selamat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, bertanggungjawab dan bersabar serta jagalah amanah yang Tuhan berikan ini agar rezeki yang diterima adalah halal untuk dibelanjakan kepada keluarga. Saya juga percaya sepanjang 3 hari tuan/puan melalui Kursus Orientasi dan Pengenalan Jabatan telah mendedahkan tuan/puan kepada:

- Perkhidmatan jabatan;
- Kekuatan dan kemahiran sendiri;
- Kepimpinan;
- Komunikasi Berkesan dan;
- Semangat kerja berpasukan

Saya berharap semua ilmu yang diperolehi akan membantu tuan/puan dalam melaksanakan tugas di penempatan masing-masing kelak. Akhir kata, saya harap tuan/puan dapat meningkatkan prestasi, dan berusaha melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahma

11

**PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN LEBIH YAKIN DENGAN POLIDENT**

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Cheras Selangor

1.6.2015

11

PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN LEBIH YAKIN DENGAN POLIDENT

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Cheras Selangor

1.6.2015

Assalamualaikum w.b.t,
Salam Sejahtera , Salam Kebajikan dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinnya jua, dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran Kempen Lebih Yakin Dengan Polident, jalinan kerjasama di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan GlaxoSmithKline (GSK) Malaysia.

Jutaan terima kasih kepada Syarikat Glaxo Smith Kline kerana sudi menjalankan tanggungjawab sosial korporat bagi mempertingkatkan tahap kualiti kesihatan kepada kumpulan sasar Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat dan di Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Bahagian PK kerana telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama CSR bersama Syarikat Glaxo Smith Kline.

Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada rakan strategik Jabatan iaitu MPKSM khususnya YBhg Dato' Hajah Mastika Junaidah bt Husin, Yang DiPertuan Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia yang turut memberi kerjasama menjayakan majlis ini.

Bila bercakap tentang CSR (*Community Social Responsibility*), ianya bukanlah satu perkara baru di Malaysia. Semenjak Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) kerajaan telah menekankan kerjasama erat di antara sektor korporat dan kerajaan dalam usaha mencapai keseimbangan sosioekonomi Negara. Sektor korporat diminta untuk turut berada di saf hadapan dan seiring dengan pihak kerajaan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat terbelas dan tidak sahaja tergalas dibahu sebelah pihak semata-mata.

Pada masa kini, kerjasama begini dimantapkan lagi dengan konsep *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak.

Gabungan kedua-dua entiti penting ini dilihat menjadi prasyarat untuk merealisasikan misi nasional dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat Malaysia dalam merealisasikan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".

Ini adalah kerana badan-badan korporat adalah sebahagian daripada sektor swasta yang secara dasarnya memperoleh mandat dan kuasa mereka dari masyarakat di bawah prinsip "kontrak sosial." Prinsip ini secara dasar memerlukan pihak syarikat dan swasta memberi perkhidmatan dengan penuh tanggungjawab, beramanah, sempurna dan memenuhi keperluan dan kemahuan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan hidup masyarakat.

Tidak lupa dinyatakan di sini, Kerajaan masih lagi menyediakan Bantuan Kewangan kepada PSK yang layak sebagai galakan dan sokongan kepada mereka yang bergandingan bahu dengan Kerajaan, menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk golongan masyarakat yang memerlukan yang juga merupakan kumpulan sasar Jabatan.

Walaupun bagaimanapun Bantuan Kewangan Kerajaan kepada PSK adalah terhad dan mengikut kadar dan pada syarat-syarat yang hanya dibenarkan sahaja sahaja seperti bantuan makan minum penghuni atau rangsum, bantuan pentadbiran dan bantuan penyelenggaraan. Pada tahun 2014 kerajaan telah meluluskan bantuan kepada 241 buah PSK dengan peruntukan sebanyak RM27.6 juta. Bantuan disalurkan hanyalah untuk keperluan asas sahaja atau 30% hingga 70% kos operasi PSK berkenaan.

Bagi membolehkan PSK ini beroperasi dengan lancar, ianya memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya syarikat-syarikat korporat. Sehingga Desember 2014 JKM telah merekodkan sebanyak 1,149 syarikat atau pihak korporat telah memberi sumbangan bernilai RM5,396,636.00 kepada PSK dan kumpulan sasar JKM yang memerlukan. Sumbangan apa jua bentuk daripada syarikat korporat amatlah berharga dan sudah tentu usaha ini akan banyak membantu meringankan beban yang ditanggung oleh individu dan PSK.

Bagi keperluan PSK yang lain seperti menambah ruang fasiliti PSK, program dan aktiviti sosial dan lain-lain, kita memerlukan kerjasama dan sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk syarikat korporat. Sumbangan daripada syarikat korporat untuk tujuan kebajikan boleh dipertimbangkan bagi tujuan mendapat pengecualian cukai pendapatan.

Pada hari ini kita merasa bertuah kerana Syarikat Glaxo Smith Kline telah melaksanakan tanggungjawab sosial tersebut kepada masyarakat menerusi sumbangan Produk Polident Adhesive Cream bernilai RM36,000.00 kepada Warga Emas di Institusi di bawah JKM, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) di seluruh Malaysia.

Di sini ingin saya ingin merakam ucapan terima kasih kepada pihak syarikat Glaxo Smith Kline (GSK) di atas sumbangan yang diberikan demi kepentingan kumpulan sasar jabatan.

Saya difahamkan bahawa selepas ini, Kempen Lebih Yakin Dengan Polident akan diteruskan lagi ke 11 buah lokasi yang terpilih yang terdiri daripada 2 buah Rumah Seri Kenangan, 4 buah Pusat Aktiviti Warga Emas dan juga 5 buah Rumah Sejahtera. Kempen ini dilihat bukan sekadar memberi manfaat kepada warga emas yang berada di institusi sahaja tetapi juga masyarakat sekeliling yang turut sama dijemput menghadirinya.

Pelaksanaan kempen ini secara tidak langsung akan meningkatkan imej dan memudahkan syarikat Glaxo Smith Kline untuk melakukan pelbagai aktiviti dalam mempromosi produk mereka selepas ini.

Penganjuran kempen seperti ini adalah satu langkah tepat yang membolehkan kita berkongsi idea dan amalan terbaik dalam melaksanakan kerjasama bersama kerajaan dan swasta yang lestari dan berimpak tinggi.

Hanya ALLAH s.w.t sahaja yang mampu membalas usaha murni ini. Saya percaya terdapat banyak lagi syarikat korporat yang sudi tampil membantu bagi menjalinkan kerjasama dalam bentuk yang lain dengan jabatan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan program ini terutama sekali kepada Yang Berbahagia Dato Mastika Junaidah bt Husin kerana memberi kerjasama untuk meneruskan kempen ini ke Pusat Aktiviti Warga Emas dan Rumah Sejahtera dibawah kelolaan Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia.

Begitu juga kepada Pegawai Penyelaras Pergigian Zon Cheras, Dr Nooraini binti Osman bersama unit beliau yang membantu menjalankan pemeriksaan gigi dan memberi ceramah berkaitan penjagaan gigi kepada mereka yang hadir.

Sekali lagi kepada YBhg Encik Stacy Wallace, Pengurus Besar Glaxo Smith Kline (GSK) Malaysia yang sudi menjayakan majlis ini dan program CSR kepada kumpulan sasar jabatan.

Kepada semua pihak yang turut menjayakan majlis ini diucapkan terima kasih.

Akhir kata dengan lafaz Bismillahi rahmani rahim saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Lebih Yakin Dengan Polident

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

12

**PERUTUSAN KPKM
DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMINAR *HOME HELP*
PERINGKAT ZON UTARA**

**Copthorne Orchid Hotel
Tanjung Bungah, Pulau Pinang**

19.9. 2015

12

PERUTUSAN KPKM DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMINAR *HOME HELP* PERINGKAT ZON UTARA

Copthorne Orchid Hotel
Tanjung Bungah, Pulau Pinang

19.9. 2015

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Ibu Pejabat dan JKM Negeri Pulau Pinang kerana mengundang saya untuk merasmikan Majlis Penutup Seminar *Home Help* Peringkat Zon Utara pada tengahari ini. Saya sangat bersyukur kehadiran Allah SWT dan rasa bertuah kerana berkesempatan untuk bersama dengan peserta Seminar *Home Help* dan semua yang hadir.

Tahniah dan syabas kepada Bahagian Komuniti, JKM Ibu Pejabat dan JKM Negeri Pulau Pinang kerana dapat mengumpulkan seramai 300 orang peserta seminar yang terdiri daripada Petugas *Home Help*, pegawai-pegawai JKM dan Penyelaras Program daripada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Program *Home Help* di negeri negeri zon utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Saya dimaklumkan sejak hari Jumaat lagi para peserta daripada seluruh negeri di zon utara telah berkampung di Copthorne Orchid Hotel, Pulau Pinang untuk mengikuti Seminar *Home Help* Peringkat Zon Utara yang julung-julung kali diadakan.

Seminar ini sudah tentu memberi manfaat yang besar kepada para peserta kerana ia menjadi wadah perbincangan dan perkongsian kepakaran yang sangat efektif dalam usaha Jabatan untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan Program *Home Help* agar program ini terus relevan dan bertepatan dengan keperluan semasa. **National Blue Ocean Strategi (NBOS)**

Seperti yang kita sedia maklum, Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan agensi utama yang bertanggungjawab dalam melaksanakan Program *Home Help*. Sungguhpun Program *Home Help* telah dilaksanakan sejak tahun 1994 oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dengan peruntukan disalurkan oleh JKM, namun program ini mula diberi nafas baharu apabila ia menjadi salah satu program teras dalam inisiatif NBOS7-1Malaysia Family Care yang dilaksanakan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan kerjasama strategic Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam konteks Program *Home Help*, JKM berusaha mengisi kekurangan dalam aspek sokongan sosial (*social support*), manakala KKM akan memberi penekanan kepada perkhidmatan sokongan kesihatan (*health support*). Justeru itu, kerjasama pintar di antara JKM dan KKM telah Berjaya berfungsi sebagai pelengkap kepada keperluan sokongan hidup warga emas dan OKU yang berhadapan dengan konflik penjagaan sokongan kesihatan dan sosial daripada ahli keluarga.

Jalinan Kerjasama Strategik

Pembangunan dan kebajikan masyarakat tidak lagi boleh dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan. Kami di JKM berpegang teguh kepada komitmen untuk menggalakkan masyarakat dan ahli komuniti mewujudkan sinergi yang diperlukan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Tidak dinafikan, JKM dan Sukarelawan Kebajikan merupakan rakan strategik dalam menyokong pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti untuk manfaat kumpulan sasar Jabatan.

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Program *Home Help* sangat signifikan dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat khususnya di kalangan komuniti yang *vulnerable* dan *marginalise*. Walaupun aktiviti yang dibuat nampak mudah, namun ia bukannya semudah seperti yang dijangka. Hanya insan yang benar-benar tulus, ikhlas dan memiliki jiwa murni mampu memberikan sumbangan tenaga dan khidmat kepada klien yang memerlukan.

Untuk makluman semua, sehingga 31 Ogos 2015, seramai 1,961 orang sukarelawan telah terlibat untuk menyediakan perkhidmatan kepada 6,583 orang klien. Daripada jumlah tersebut, 5,337 orang adalah warga emas manakala 1,246 merupakan OKU.

Pada tahun 2014, Program *Home Help* telah menjadi KPI kepada YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana pihak kementerian telah meletakkan sasaran sebanyak 1,500 klien baharu menerima perkhidmatan ini. Apa yang membanggakan saya ialah kita bukan sahaja berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan, tetapi pencapaian yang diraih lebih daripada yang dijangkakan kerana pada tahun lepas sebanyak 2,227 klien baharu telah menerima perkhidmatan ini iaitu sebanyak 148.47 peratus daripada jumlah sasaran.

Saya sangat bersyukur dan mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya tuan / puan sekalian sebagai sukarelawan dalam membantu kementerian dan JKM mencapai KPI yang ditetapkan.

Penjimatan Kos

Melalui pelaksanaan Program *Home Help*, JKM dapat menjimatkan peruntukan kerajaan sebanyak **RM33,866,280.00 setahun**. Ini adalah kerana kos untuk melaksanakan Program *Home Help* hanyalah sebanyak RM390.00 seorang sebulan sedangkan kos untuk seorang warga emas di

Rumah Seri Kenangan (RSK) adalah sebanyak RM1,542.00 sebulan dan RM1,900.00 untuk seorang OKU yang menetap di Taman Sinar Harapan (TSH). Bayangkan betapa besarnya nilai wang yang dapat dijimatkan oleh kerajaan sekiranya melaksanakan Program *Home Help* dan penjimatan ini boleh dimanfaatkan untuk kepentingan negara yang lain. Justeru itu, adalah sangat wajar Program *Home Help* ini diteruskan dan diperluaskan perkhidmatannya ke seluruh kawasan di negara kita.

Penutup

Adalah menjadi harapan saya supaya Seminar *Home Help* yang diadakan ini dapat membuka ruang penambahbaikan yang lebih luas ke arah penyediaan perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang lebih mampan. Perkongsian pengalaman dan kepakaran daripada semua pihak yang terlibat dalam seminar ini sudah tentu menjadi input dan ramuan terbaik kepada semua pihak khususnya sukarelawan agar terus aktif dan dinamik.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan / puan yang menjadi sebahagian daripada komuniti prihatin dan bertanggungjawab kepada rakyat yang memerlukan. Semoga jasa dan pengorbanan yang dicurahkan akan mendapat balasan daripada Allah swt. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Bahagian Komuniti JKM dan JKM Negeri Pulau Pinang kerana berjaya menganjurkan Seminar *Home Help* ini dengan cemerlang dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar *Home Help* Peringkat Zon Utara Tahun 2015.

Sekian, saya sudahi dengan lafaz Wabillah hi taufik Wal
Hidayah Wassalam Mualaikum Warahmatu

Tujuh Dekat JKM

Dekad pertama 1946-1956:

Penubuhan JKM memfokuskan kepada isu-isu kesihatan, perusahaan dan perhubungan sosial.

Dekad kedua 1957-1967:

Menyaksikan tumpuan kepada aspek Kebajikan Am, Kesihatan Dan Buruh.

Dekad ketiga 1968-1978:

Perhatian kepada Kebajikan Am Dan Buruh. Dalam tempoh ini, peristiwa 13 Mei 1969 memberikan impak signifikan kepada perkhidmatan kebajikan disebabkan tumpuan kerajaan lebih kepada inisiatif pengagihan ekonomi secara saksama dan penyusunan semula masyarakat dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru.

Dekad keempat 1979-1989:

Evolusi perkhidmatan kebajikan berasaskan komuniti dengan wujudnya Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang pertama di Batu Rakit Terengganu pada tahun 1983. Untuk tempoh tersebut, perkhidmatan kebajikan diletakkan sebagai sebuah kementerian.

Dekad kelima 1990-2000:

JKM adalah sebuah jabatan yang diletakkan dibawah payung Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat. Pada dekad ini, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara diperkenalkan dengan tumpuan kepada falsafah "**Kebajikan Tanggungjawab Bersama**".

Dekad keenam 2001-2010:

JKM diletakkan sebagai Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Namun, peranan JKM terus relevan dengan pelbagai inisiatif baharu perundangan dan polisi sosial diperkenalkan dan JKM adalah *focal point* kepada Dasar Sosial Negara (2003), Dasar Kanak-Kanak Negara (2008), Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara (2008), Dasar OKU (2008), Dasar Warga Emas Negara (2011), penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Anti Mangsa Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2008, penguatkuasaan Akta OKU 2008 dan penubuhan Jabatan Pembangunan OKU. Dalam dekad ini, Anugerah *Corporate Social Responsibility* (CSR) juga diperkenalkan pada tahun 2006 sebagai pengiktirafan kepada sumbangan korporat terhadap sektor kebajikan. Seterusnya program Perintah Khidmat Masyarakat diwujudkan pada 2 Februari 2007. Di samping itu pada tahun 2010, kabinet juga telah meluluskan penggubalan dan pelaksanaan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial dan RUU Pekerja Sosial.

Dekad ketujuh 2011 – sekarang:

Pelbagai inisiatif transformasi dan pencapaian bertaraf dunia perkhidmatan JKM dalam inovasi sosial. Pengiktirafan OKU dalam perlembagaan melalui pewujudan AOKU 2008 dengan pelbagai inisiatif menjadi 'turning point' kepada munculnya wira-wira luar biasa yang memenangi Pingat Emas Paralimpik Rio 2016. Usaha memartabatkan OKU dalam kerangka perundangan Negara ini merupakan kunci kejayaan JKM dan KPWKM terhadap pembangunan kumpulan sasar di peringkat lokal dan global kerana sesebuah kejayaan yang dicapai itu bertitik tolak daripada langkah pertama usaha ke arah sebuah impian.